



*Perintah-Perintah Tetap*  
**DEWAN NEGERI**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**

---

*Standing Orders*  
*of the*  
**LEGISLATIVE ASSEMBLY OF**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**





**PERINTAH-PERINTAH TETAP**

**DEWAN NEGERI  
PERAK DARUL RIDZUAN**



Diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan, dalam Mesyuarat Kedua, Tahun Kelima, Dewan Negeri Yang Keempat Belas, Perak Darul Ridzuan pada 20 Julai 2022, menurut Kertas Dewan Bil. 24/2022.



## KANDUNGAN

<b>Perintah Tetap</b>		<b>Muka Surat</b>
<b>URUSAN AWAM</b>		
1.	Prosiding Mesyuarat Pertama Selepas Pilihanraya Negeri .....	1
2.	Menetapkan Kerusi Ahli-ahli .....	2
3.	Memilih Yang di-Pertua .....	3
4.	Tatacara memilih Yang di-Pertua .....	3
5.	Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua .....	5
6.	Pelantikan Pengerusi Sementara .....	5
7.	Ketua Pembangkang .....	7
8.	Sumpah .....	7
9.	Bahasa Rasmi .....	8
10.	Tanggungjawab Setiausaha .....	8
11.	Penyata Rasmi Mesyuarat .....	9
12.	Tahun Dewan Negeri .....	10
13.	Mesyuarat Dewan Negeri .....	11
14.	Pakaian .....	11
15.	Siaran langsung persidangan Dewan Negeri .....	11
16.	Kuorum .....	11

<b>Perintah Tetap</b>	<b>Muka Surat</b>
17. Aturan Urusan Mesyuarat .....	12
18. Susunan urusan awam .....	13
19. Penangguhan Dewan Negeri .....	14
20. Usul menangguhkan mesyuarat akhir persidangan ...	14
21. Penangguhan Persidangan Dewan Negeri atas perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang hendak disegerakan .....	15
22. Petisyen .....	17
23. Kertas Mesyuarat .....	19
24. Soalan .....	19
25. Pelantikan oleh Menteri Besar untuk menjawab soalan .....	20
26. Pemberitahuan berkenaan soalan .....	20
27. Kandungan Soalan .....	21
28. Cara mengemukakan soalan dan menjawab soalan ...	23
29. Penerangan sendiri .....	25
30. Pemberitahuan Usul .....	25
31. Cara menyampaikan pemberitahuan .....	28
32. Pengubahan isi sesuatu usul .....	29
33. Menarik balik pemberitahuan usul .....	30
34. Pindaan usul .....	30



<b>Perintah Tetap</b>		<b>Muka Surat</b>
35.	Menyokong usul dan pindaan .....	31
36.	Pindaan usul hendaklah dengan cara bertulis .....	31
37.	Cara membahaskan usul dan pindaan usul .....	31
38.	Penarikan balik usul dan pindaan .....	34

### **PERATURAN-PERATURAN BERBAHAS**

39.	Masa dan cara berucap .....	35
40.	Kandungan ucapan .....	36
41.	Pencelahan .....	39
42.	Skop perbahasan .....	39
43.	Mendahului perbahasan .....	40
44.	Menutup perbahasan .....	41
45.	Adab ahli yang tidak berucap .....	42
46.	Adab ketika Pengerusi berucap .....	42
47.	Keputusan Yang di-Pertua atau Pengerusi adalah muktamad .....	42
48.	Tertib dalam Dewan Negeri .....	43
49.	Memutuskan persoalan .....	45
50.	Undi dengan suara .....	46

<b>Perintah Tetap</b>	<b>Muka Surat</b>
51. Belah bahagian .....	47
52. Penyiaran Rang Undang-Undang .....	48
53. Rang Undang-Undang daripada ahli yang bukan Kerajaan .....	48
54. Rang Undang-Undang Persendirian dan Rang Undang-Undang Campuran .....	49
55. Bentuk Rang Undang-Undang .....	51
56. Pihak yang terlibat .....	52
57. Bacaan kali kedua .....	53
58. Menyerahkan Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa .....	54
59. Tugas Jawatankuasa yang menimbangkan Rang Undang-Undang .....	54
60. Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri .....	55
61. Tatacara dalam Jawatankuasa Seisi Dewan yang menimbangkan Rang Undang-Undang .....	55
62. Tatacara dalam Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang Undang-Undang .....	58
63. Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-Undang yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri .....	59
64. Prosiding atas Rang Undang-Undang yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan .....	60

<b>Perintah Tetap</b>		<b>Muka Surat</b>
65.	Bacaan kali ketiga .....	62
66.	Menarik balik dan menangguh Rang Undang-Undang .....	62
67.	Rang Undang-Undang yang mengandungi peruntukan yang hampir sama maksudnya .....	62
68.	Rang Undang-Undang akan tergugur .....	63
69.	Melonggarkan peruntukan berkehendakkan Rang Undang-Undang itu dicetak .....	63
70.	Anggaran perbelanjaan tahunan .....	63
71.	Tatacara membahas Rang Undang-Undang Perbekalan dan mempertimbangkan Anggaran Pembangunan Tahunan .....	63
72.	Tatacara membahas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan mempertimbangkan Anggaran Pembangunan Tambahan .....	69
73.	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh mewakili Menteri Besar .....	74
 <b>JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PILIHAN</b> 		
74.	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri .....	74
75.	Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap .....	75
76.	Jawatankuasa Hak dan Kebebasan .....	76
77.	Jawatankuasa Kebajikan Ahli .....	77

<b>Perintah Tetap</b>	<b>Muka Surat</b>
78. Jawatankuasa Pilihan Khas .....	77
79. Menubuhkan Jawatankuasa Pilihan .....	78
80. Tatacara Jawatankuasa Pilihan .....	78
81. Belah bahagian Jawatankuasa Pilihan .....	82
82. Penyiaran keterangan sebelum masanya .....	83
83. Penyata-penyata daripada Jawatankuasa Pilihan .....	83
84. Rang Undang-Undang dan pindaan yang melibatkan perbelanjaan Wang Disatukan .....	84
85. Penggantungan kuat kuasa Perintah-Perintah Tetap	84
86. Ketidakhadiran ahli .....	85
87. Larangan ahli memberikan perkhidmatan dalam kapasiti profesional .....	85
88. Orang luar .....	85
89. Wakil media .....	86
90. Ayat mengundang-undangkan Rang Undang-Undang.....	86
91. Penyiaran Rang Undang-Undang dalam Warta Kerajaan .....	86
92. Perbelanjaan saksi .....	87
93. Tafsiran .....	89
94. Keputusan Yang di-Pertua .....	89
95. Kuasa dalam perkara lain .....	89

## DOA



SEGALA puji bagi Allah selawat dan salam atas RasulNya, maka dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Pengasih, Dewan Negeri ini dibuka.

Ya Allah, yang bersifat maha hikmat, limpah keadilan, yang menanggungkan kewajipan ke atas Raja dan Ahli Majlis Permesyuaratan, bagi mentadbir muslihat masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa aman, makmur, limpah kebahagiaan, meliputi sekalian penduduk Negeri Perak Darul Ridzuan.

Ya Allah, kami sekalian hambaMu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri, menyempurnakan kewajipan yang diamanahkan, yang terutama bagi Negeri Perak Darul Ridzuan serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkatMu ke atas kami berhimpun dipohon anugerahkan, taufikMu, hidayatMu dimohon menyuluh, memandukan, pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar-tukar fikiran, pada segala perkara yang dibentangkan, dengan saksama serta berkeamanan, menjunjung perintah dan kebesaranMu, mudah-mudahan berlebih-lebih keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan, serta penduduknya sekalian.

Ya Allah, dipohonkan doa kami diperkenan, Amin, Ya Allah seru sekalian alam.



# PERINTAH-PERINTAH TETAP

## DEWAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

---

### URUSAN AWAM

1. Pada hari pertama diadakan mesyuarat Dewan Negeri selepas Pilihan Raya Umum Negeri dan setelah ahli berkumpul pada waktu dan di tempat yang ditetapkan dan setelah menurut peruntukan-peruntukan Perintah Tetap 2, maka, Setiausaha Dewan Negeri hendaklah membacakan Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia memanggil mesyuarat dan kemudian daripada itu urusan-urusan yang hendak dijalankan pada hari itu termasuk —

**Prosiding Mesyuarat  
pertama selepas  
Pilihanraya Negeri**

- (a) Pemilihan Yang di-Pertua;
- (b) Bacaan doa;
- (c) Yang di-Pertua mengangkat sumpah seperti diperuntukkan dalam Fasal (1) Perkara XLVII Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan dan mengangkat sumpah seperti berikut:

“Adalah saya ... yang telah dipilih menyandang jawatan Yang di-Pertua bersumpah (atau berikrar) bahawa sesungguhnya saya akan menunaikan segala kewajipan bagi jawatan tersebut dengan sehabis-habis daya upaya saya dan akan taat setia dengan sebenar-benarnya kepada Negeri Perak Darul Ridzuan dan memelihara, menaungi dan membela Perlembagaannya.”;

- (d) Ahli-ahli mengangkat sumpah mengikut seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara XLVII Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan;
- (e) Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua;
- (f) Timbalan Yang di-Pertua mengangkat sumpah seperti yang diperuntukkan dalam Fasal (1) Perkara XLVII Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan dan mengangkat sumpah seperti berikut:

“Adalah saya ... yang telah dipilih menyandang jawatan Timbalan Yang di-Pertua bersumpah (atau berikrar) bahawa sesungguhnya saya akan menunaikan segala kewajipan bagi jawatan tersebut dengan sehabis-habis daya upaya saya dan akan taat setia dengan sebenar-benarnya kepada Negeri Perak Darul Ridzuan, dan memelihara, menaungi dan membela Perlembagaannya.”;

dan setelah selesai urusan-urusan tersebut maka, Dewan Negeri akan ditangguhkan kepada suatu tarikh dan waktu yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia bagi memanggil Dewan Negeri.

2. (1) Pada hari pertama diadakan Mesyuarat Dewan Negeri selepas Pilihan Raya Umum Negeri sehingga kerusi bagi setiap ahli ditetapkan, ahli-ahli hendaklah duduk di tempat yang diaturkan oleh Setiausaha.
- (2) Sebaik-baik sahaja dilantik sebagai Pengerusi Dewan, Yang di-Pertua perlu menetapkan kerusi bagi setiap ahli dan boleh mengubah ketetapan itu

**Menetapkan kerusi  
ahli-ahli**



dari semasa ke semasa, sebagaimana yang difikirkan patut.

- (3) Kerusi akan ditetapkan mengikut budi bicara Yang di-Pertua dan keputusannya adalah muktamad.

**3.** Apabila jawatan Yang di-Pertua itu menjadi kosong, sama ada dengan sebab pembubaran Dewan Negeri atau sebab lain, Dewan Negeri hendaklah, setelah cukup kuorum, memilih Yang di-Pertua.

**Memilih Yang di-Pertua**

**4.** (1) Tatacara pemilihan Yang di-Pertua hendaklah seperti yang berikut:

**Tatacara memilih Yang di-Pertua**

- (a) Setiap ahli yang hendak mencadangkan nama ahli atau bukan ahli yang hendak dipilih menjadi Yang di-Pertua, hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa orang itu sanggup berkhidmat jika dipilih, dan juga hendaklah memberitahu Setiausaha secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat;
- (b) Seseorang ahli perlu mencadangkan kepada Dewan Negeri seorang calon menjadi Yang di-Pertua dan hendaklah mengeluarkan usul "*Iaitu ...(sebutkan nama calon itu) dipilih menjadi Yang di-Pertua.*". Cadangan ini hendaklah disokong tetapi tidak dibenarkan untuk dibahaskan;
- (c) Jika hanya seorang ahli atau bukan ahli yang dicadangkan, disokong dan ditentukan oleh Dewan Negeri menjadi Yang di-Pertua maka, Setiausaha hendaklah mengisytiharkan pemilihan beliau. Jika lebih daripada seorang ahli atau bukan ahli dicadangkan dan disokong menjadi Yang di-Pertua, maka, Dewan Negeri

hendaklah menjalankan pemilihan melalui undian bersurat;

- (d) Bagi maksud menjalankan undian bersurat, Setiausaha hendaklah memberikan sekeping kertas undi kepada setiap ahli yang hadir dan ahli itu bolehlah menulis pada kertas itu nama calon yang hendak diundinya. Kertas undi hendaklah dilipat untuk memastikan nama calon yang tertulis tidak dapat dilihat dan hendaklah ditandatangani oleh ahli yang mengundi itu;
  - (e) Kertas undi hendaklah dikumpulkan oleh Setiausaha atau mana-mana pegawai Dewan Negeri yang diwakilkan oleh beliau dan hendaklah dikira oleh Setiausaha di Meja Dewan Negeri. Keputusan undi bersurat itu hendaklah diisytiharkan oleh Setiausaha.
- (2)(a) Jika lebih daripada dua orang calon dicadangkan dan dalam undian yang pertama, tidak ada calon yang mendapat undian lebih daripada jumlah undi yang diperoleh oleh calon yang lain maka, calon yang mendapat jumlah undi yang paling rendah hendaklah dikeluarkan daripada pemilihan. Selepas itu, hendaklah dijalankan undian kedua, dan dikeluarkan calon yang mendapat jumlah undian yang paling rendah. Tatacara ini hendaklah dijalankan secara berturutan sehingga tinggal seorang calon yang jumlah undian yang lebih daripada calon yang tinggal.
- (b) Dalam mana-mana undi bersurat di antara tiga atau lebih calon, jika dua atau lebih calon mendapat jumlah undian yang sama banyak dan seorang daripadanya dikehendaki dikeluarkan menurut perenggan (a) di atas,

penetapan calon yang hendak dikeluarkan itu dibuat dengan menurut sebarang cara yang diputuskan oleh Setiausaha.

- (c) Dalam mana-mana undi bersurat antara dua orang calon, jika jumlah undinya sama banyak, hendaklah dijalankan undi bersurat itu sekali lagi, dan jika dalam pengundian yang berikutnya undi masih lagi sama banyak, pengundian hendaklah dibuat dengan sebarang cara yang ditetapkan oleh Setiausaha.

(3) Semasa kertas undi itu dikira, ia hendaklah dimasukkan ke dalam sebuah peti dan apabila seseorang ahli atau bukan ahli telah diisytiharkan sebagai Yang di-Pertua maka, peti itu hendaklah dilakrikan di hadapan Dewan Negeri dan disimpan dalam jagaan Setiausaha selama tiga puluh hari dan selepas itu, tertakluk kepada sebarang perintah yang diterima daripada Dewan Negeri, Setiausaha hendaklah melupuskan kertas undi itu dan memaklumkan kepada Dewan Negeri bahawa kertas itu telah dilupuskan.

5. (1) Apabila jawatan Timbalan Yang di-Pertua itu menjadi kosong, sama ada dengan sebab dibubarkan Dewan Negeri atau dengan sebab lain, Dewan Negeri hendaklah setelah cukup kuorum, memilih Timbalan Yang di-Pertua di kalangan ahli.

**Pemilihan Timbalan  
Yang di-Pertua**

- (2) Tatacara memilih Timbalan Yang di-Pertua hendaklah sama seperti tatacara memilih Yang di-Pertua dan dikendalikan oleh Yang di-Pertua.

6. (1) Yang di-Pertua hendaklah mempengerusikan persidangan Dewan Negeri dan dalam ketiadaannya, Timbalan Yang di-Pertua hendaklah mempengerusikan persidangan, atau

**Pelantikan Pengerusi  
Sementara**

jika Timbalan Yang di-Pertua belum dipilih atau jika jawatan Timbalan Yang di-Pertua itu kosong dengan sebarang sebab, atau jika Timbalan Yang di-Pertua tidak hadir di Dewan Negeri atas sebarang sebab, apabila diberitahu oleh Setiausaha, Dewan Negeri boleh memanggil mana-mana ahli mempengerusikan persidangan setelah dikeluarkan usul oleh Menteri Besar atau dalam ketiadaannya oleh seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Usul ini hendaklah disokong oleh seorang ahli dan dikemukakan kepada Setiausaha tetapi tidak dibenarkan dibahas.

- (2) Apabila Setiausaha mengumumkan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua tidak hadir, ahli yang mempengerusikan persidangan menurut peruntukan perenggan (1), hendaklah mempunyai segala kuasa Yang di-Pertua sehingga Yang di-Pertua hadir semula.
- (3) Yang di-Pertua boleh pada bila-bila masa mesyuarat bersidang, meminta seseorang ahli mempengerusikan mesyuarat itu bagi sementara waktu tanpa memberitahu Dewan Negeri dengan rasmi dan ahli yang mempengerusikan persidangan hendaklah mempunyai segala kuasa Yang di-Pertua sehingga Yang di-Pertua kembali.
- (4) Apabila Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri, termasuk Jawatankuasa Perbekalan maka, ahli yang menjadi Pengerusi menurut peruntukan perenggan (1) atau (3) hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Seisi Dewan.
- (5) Dalam Perintah-Perintah Tetap ini, melainkan diperuntukkan dengan nyata selainnya, perkataan “Yang di-Pertua” itu termasuklah mana-mana ahli yang menjadi Pengerusi menurut peruntukan

perenggan (1) hingga (3), dan perkataan “Pengerusi” melainkan konteksnya menunjukkan maksud yang berlainan, maksudnya ialah mana-mana ahli yang menjadi Pengerusi menurut peruntukan perenggan (1) hingga (4).

7. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua **Ketua Pembangkang** Pembangkang.

(2) Ketua Pembangkang Dewan Negeri merupakan ahli yang menjadi Ketua Kumpulan pihak Pembangkang.

(3) Dalam sebarang pertikaian tentang siapa yang menjadi Ketua Pembangkang pada mana-mana masa material, pertikaian itu hendaklah diputuskan oleh Yang di-Pertua.

8. (1) Sumpah yang hendak dilafazkan seperti yang **Sumpah** ditetapkan di bawah Fasal (1) Perkara XLVII Bahagian Pertama, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan hendaklah dijalankan oleh Setiausaha dan setiap ahli yang mengangkat sumpah hendaklah menandatangani sebuah buku yang akan disimpan bagi tujuan tersebut oleh Setiausaha.

(2) Tertakluk kepada peruntukan perenggan (3), pada mana-mana hari Dewan Negeri bersidang, seseorang ahli yang belum mengangkat sumpah di bawah perenggan (1) boleh hadir di Meja Dewan Negeri pada waktu yang ditetapkan menurut Perintah Tetap 17 dan hendaklah dia mengangkat sumpah dan menandatangani buku itu.

(3) Seseorang ahli boleh, pada masa Dewan Negeri dalam penangguhan, bagi membolehkan ahli itu hadir dan mengambil bahagian dalam mesyuarat Jawatankuasa iaitu antara masa beliau menjadi ahli

Dewan Negeri dengan masa Dewan Negeri sekali lagi diadakan, ahli itu bolehlah mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua; kemudian, Yang di-Pertua hendaklah memberitahu Dewan Negeri pada persidangan yang akan datang dengan mengatakan bahawa ahli itu telah mengangkat sumpah di hadapannya.

**9.** Bahasa rasmi Persidangan Dewan Negeri ialah bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Inggeris hendaklah dengan izin Yang di-Pertua. **Bahasa rasmi**

**10.** (1) Sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum dimulakan mesyuarat tahun baharu atau sebelum diadakan mesyuarat Dewan Negeri semula, Setiausaha hendaklah menghantar suatu pemberitahuan bertulis kepada setiap ahli untuk menarik perhatian bagi pemasyhuran memanggil Dewan Negeri: **Tanggungjawab Setiausaha**

Dengan syarat, bahawa dalam keadaan tergepar, pemberitahuan itu tidak diperlukan, dan dalam keadaan sedemikian pemberitahuan itu hendaklah dikeluarkan dengan seberapa segera yang boleh.

(2) Setiausaha hendaklah menghantar satu salinan Aturan Urusan Mesyuarat kepada setiap ahli bagi setiap persidangan—

(a) Untuk persidangan pertama mesyuarat, melainkan pada pendapat Yang di-Pertua terdapat keperluan untuk disegerakan, sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum persidangan itu; dan

(b) Untuk persidangan yang lain, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

- (3) Setiausaha hendaklah menyimpan minit prosiding Dewan Negeri dan Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri; dan hendaklah mengedarkan satu salinan minit itu kepada ahli pada keesokan harinya, atau dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.
- (4) Minit itu hendaklah merekodkan nama ahli yang hadir dan semua ketetapan Dewan Negeri dan dalam hal belah bahagian Dewan Negeri atau dalam Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri, hendaklah mengandungi bilangan ahli yang bersetuju dan ahli yang tidak bersetuju, nama ahli yang mengundi dan bilangan serta nama ahli yang hadir tetapi tidak mengundi. Minit hendaklah ditandatangani oleh Yang di-Pertua dan sebarang kesilapan di dalamnya boleh dibetulkan oleh Yang di-Pertua.
- (5) Setiausaha hendaklah menyediakan Buku Mesyuarat dari sehari ke sehari yang menunjukkan semua urusan yang ditetapkan bagi hari yang akan datang dan sebarang pemberitahuan berkenaan dengan soalan atau usul yang telah ditetapkan bagi hari yang akan datang sama ada ditentukan harinya atau tidak Buku Mesyuarat ini hendaklah terbuka untuk disemak oleh ahli pada bila-bila masa yang munasabah.
- (6) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab menyimpan minit, rekod, Rang Undang-Undang dan dokumen lain yang telah dibentangkan dalam Dewan Negeri yang hendaklah terbuka untuk semakan oleh ahli dan orang lain mengikut sebarang aturan yang dibenarkan oleh Yang di-Pertua.

11. (1) Penyata Rasmi Mesyuarat yang mengandungi semua ucapan yang dibuat di dalam Dewan Negeri dan Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri

**Penyata Rasmi  
Mesyuarat**

hendaklah disediakan di bawah pengawasan Setiausaha.

- (2) Penyata Rasmi Mesyuarat hendaklah diterbitkan mengikut sebarang bentuk yang diperintahkan oleh Yang di-Pertua, dan satu salinannya hendaklah dihantar kepada setiap ahli dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan setelah tamat sesuatu mesyuarat.
- (3) Satu salinan rekod ucapan seseorang ahli hendaklah dihantar kepada semua ahli sebelum diterbitkan. Jika ahli itu tidak mengembalikan ucapan itu kepada Setiausaha dalam tempoh tujuh hari daripada tarikh dihantar kepadanya maka, ucapan itu akan diterbitkan tanpa pembetulan.
- (4) Jika seseorang ahli itu mempersoalkan tentang kebenaran mana-mana rekod ucapannya itu atau hendak membuat sebarang perubahan material dalam ucapan itu, Yang di-Pertua hendaklah membuat keputusan dan ucapan itu hendaklah diterbitkan mengikut sebagaimana yang diputuskannya. Keputusan Yang di-Pertua hendaklah dimaklumkan kepada ahli itu dan adalah muktamad.

- 12.** (1) Persidangan Dewan Negeri hendaklah diadakan pada waktu dan tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia dari semasa ke semasa melalui pengisytiharan dalam *Warta*. **Tahun Dewan Negeri**
- (2) Mesyuarat Dewan Negeri hendaklah diadakan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali supaya tempoh enam bulan tidak melebihi antara persidangan terakhir dalam tahun itu dengan persidangan pertama dalam tahun yang berikutnya.



**13.** Mesyuarat Dewan Negeri dalam setiap tahun hendaklah diadakan pada hari tertentu dan bermula dari suatu waktu sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua.

**Mesyuarat Dewan Negeri**

**14.** (1) Ahli hendaklah memakai pakaian “Hari Kalung” sempena dengan Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi dan Persidangan Pertama Tahun Baharu Dewan Negeri .

**Pakaian**

(2) Ahli boleh memakai pakaian kebangsaan, sut urusan atau pakaian lain yang diputuskan oleh Yang di-Pertua untuk hari persidangan yang lain.

(3) Yang di-Pertua boleh memerintahkan mana-mana ahli yang tidak mematuhi Perintah Tetap ini meninggalkan Dewan Negeri sehingga tamat persidangan pada hari tersebut.

**15.** Setiap persidangan Dewan Negeri bolehlah disiarkan secara langsung sama ada melalui stesen televisyen atau dalam talian sepanjang masa persidangan.

**Siaran langsung persidangan Dewan Negeri**

**16.** (1) Dewan Negeri boleh menjalankan kerjanya walaupun terdapat kekosongan dalam keanggotaannya dan kehadiran atau mengambil bahagian oleh seseorang yang tidak berhak tidak akan membatalkan sebarang prosiding.

**Kuorum**

(2) Dewan Negeri tidak boleh menjalankan sebarang urusan melainkan urusan menangguhkan mesyuarat sekiranya ada bantahan daripada mana-mana ahli yang hadir bahawa bilangan ahli yang hadir itu kurang daripada satu perempat, tidak termasuk Yang di-Pertua atau orang lain yang mempengerusikan mesyuarat.

- (3) Jika pada bila-bila masa ada seseorang ahli menarik perhatian Yang di-Pertua bahawa ahli yang hadir tidak cukup kuorum sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (2), Yang di-Pertua boleh memerintahkan ahli yang tidak hadir dipanggil, dan jika selepas tamat lima minit tidak juga cukup kuorum, hendaklah beliau menangguhkan mesyuarat tanpa undian.

17. (1) Urusan bagi setiap persidangan hendaklah mengikut aturan urusan seperti di bawah melainkan Dewan Negeri menetapkan aturan lain

**Aturan Urusan  
Mesyuarat**

- 
- (a) Yang di-Pertua masuk ke dalam Dewan Negeri dengan secara rasmi;
  - (b) Bacaan doa;
  - (c) Ahli baharu mengangkat sumpah;
  - (d) Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia;
  - (e) Pengumuman Yang di-Pertua;
  - (f) Petisyen;
  - (g) Soalan kepada Menteri Besar;
  - (h) Usul untuk menangguhkan Dewan Negeri kerana perkara kepentingan orang ramai yang hendak disegerakan;
  - (i) Penerangan oleh Menteri Besar;
  - (j) Ucapan pujian;
  - (k) Ucapan takziah;

- (l) Penerangan sendiri;
  - (m) Pembentangan Rang Undang-Undang Kerajaan;
  - (n) Usul berkenaan dengan Aturan Urusan Mesyuarat (dibawa oleh Menteri Besar);
  - (o) Usul-usul mengemukakan Rang Undang-Undang; dan
  - (p) Urusan awam.
- (2) Dewan Negeri boleh, dengan usul yang dibawa oleh Menteri Besar atau jika Menteri Besar tidak hadir oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi diputuskan dengan tiada pindaan atau perbahasan yang boleh dibuat tanpa pemberitahuan dan hendaklah didahulukan daripada urusan lain, memutuskan untuk menjalankan mana-mana urusan dengan tidak mengikut aturan yang ditetapkan.
- 18.** (1) Pada setiap hari persidangan, urusan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan ahli yang bukan Kerajaan. **Susunan urusan awam**
- (2) Urusan Kerajaan hendaklah diatitkan mengikut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kerajaan dan diberitahu kepada Setiausaha.
  - (3) Pemberitahuan berkenaan dengan usul yang hendak dibawa oleh ahli yang bukan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada Rang Undang-Undang yang dibawa oleh ahli yang bukan Kerajaan dan hendaklah diatitkan mengikut susunannya dalam Buku Mesyuarat.

- (4) Rang Undang-Undang yang dibawa oleh ahli yang bukan Kerajaan hendaklah diuruskan mengikut susunan dalam Buku Mesyuarat.
- (5) Usul yang telah dibawa oleh ahli yang bukan Kerajaan tetapi belum diselesaikan pada suatu mesyuarat Dewan Negeri hendaklah, apabila pemberitahuan telah diberikan oleh pembawa usul tersebut untuk meneruskannya pada mesyuarat yang berikutnya, usul beliau perlu diutamakan daripada usul ahli bukan Kerajaan yang lain pada mesyuarat yang akan datang.

**19.** (1) Kecuali menurut peruntukan Perintah Tetap 21, usul hendak menangguhkan Dewan Negeri tidak boleh dikemukakan sehingga selesai segala urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat bagi persidangan itu dan usul yang demikian tidak boleh dikemukakan kecuali menurut peruntukan Perintah Tetap ini dan Perintah Tetap 20.

**Penangguhan Dewan Negeri**

(2) Setelah selesai urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat bagi persidangan itu, Yang di-Pertua hendaklah sama ada menangguhkan Dewan Negeri, atau jika dalam mana-mana persidangan yang pemberitahuan yang telah diberikan berkenaan dengan usul bagi menangguhkan Dewan Negeri menurut peruntukan Perintah Tetap 20, Yang di-Pertua hendaklah memanggil seorang ahli Kerajaan untuk mencadangkan "*Bahawa Dewan Negeri ini ditangguhkan sekarang.*".

**20.** (1) Setelah dicadangkan "*... bahawa Dewan Negeri ini ditangguhkan sekarang*" mengikut perenggan 19(2), mana-mana ahli yang telah mendapat kebenaran untuk berucap, bolehlah memberi ucapannya kepada Dewan Negeri berkenaan dengan sebarang perkara pentadbiran yang

**Usul menangguhkan mesyuarat akhir persidangan**

menjadi tanggungjawab Kerajaan, dan Menteri Besar atau wakilnya bolehlah menjawab.

- (2) Mana-mana ahli yang bercadang membangkitkan sesuatu perkara di bawah perenggan (1) hendaklah memberi pemberitahuan bertulis berkenaan dengannya kepada Yang di-Pertua, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum persidangan sebagaimana dia bercadang untuk berbuat demikian. Tertakluk kepada pemberian pemberitahuan tersebut, Yang di-Pertua hendaklah membenarkan tidak lebih daripada dua orang ahli membangkitkan perkara demikian pada satu hari persidangan, jika perlu dengan mengadakan undi bersurat, dan dalam perkara ini Yang di-Pertua hendaklah mengutamakan ahli yang belum membangkitkan sesuatu perkara di bawah Perintah-Perintah Tetap ini dalam tahun itu.
  - (3) Dalam mana-mana ucapan dengan usul “... *bahawa Dewan Negeri ini ditangguhkan sekarang*” tempoh masa yang dibenarkan bagi setiap seorang ahli berucap kepada Dewan Negeri dan bagi setiap ahli Kerajaan menjawabnya adalah dalam masa sepuluh minit melainkan Yang di-Pertua membenarkan lebih daripada itu dalam keadaan tertentu.
  - (4) Setelah selesai prosiding tersebut maka, Yang di-Pertua hendaklah mengemukakan persoalan bagi diputuskan oleh mesyuarat “... *bahawa Dewan Negeri ini ditangguhkan sekarang*”.
21. (1) Mana-mana ahli boleh, pada waktu yang ditetapkan menurut Perintah Tetap 17, berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan persidangan Dewan Negeri dengan tujuan untuk merundingkan perkara tertentu tentang

**Penangguhan  
Persidangan Dewan  
Negeri. atas perkara  
tertentu berkenaan  
kepentingan orang  
ramai yang hendak  
disegerakan**

kepentingan orang awam yang hendak disegerakan.

- (2) Seseorang ahli yang hendak meminta keizinan mencadangkan supaya persidangan Dewan Negeri ditangguhkan hendaklah, mengeluarkan pemberitahuan bertulis kepada Yang di-Pertua tentang perkara yang hendak dibincangkannya, iaitu sekurang-kurangnya satu jam sebelum mesyuarat mula bersidang. Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu melainkan beliau berpuas hati bahawa perkara itu ialah perkara tertentu, hendak disegerakan dan melibatkan kepentingan orang awam.
- (3) Jika Yang di-Pertua berpuas hati yang demikian dan sama ada —
  - (a) Dewan Negeri memberikan keizinan dengan tiada ahli yang membangkang; atau
  - (b) Jika Dewan Negeri tidak memberi izin tetapi sekurang-kurangnya satu perempat daripada ahli yang berdiri di tempatnya menyokong permintaan itu, maka usul itu hendaklah ditangguhkan sehingga suatu masa yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua pada hari yang sama, dan sebarang perkara yang sedang dijalankan oleh Dewan Negeri hendaklah ditangguhkan sehingga sama ada usul menangguhkan itu telah diputuskan atau perbincangan mengenai usul itu telah melebihi masa dua jam. Apabila sampai had dua jam itu maka, usul itu, jika belum diselesaikan lagi, adalah luput dan urusan yang ditangguhkan tadi hendaklah diteruskan.

- (4) Hanya satu usul dibenarkan untuk menangguhkan Dewan Negeri pada satu persidangan di bawah Perintah Tetap ini.
- (5) Seseorang ahli tidak boleh mengemukakan semula perkara yang sama dalam mesyuarat yang sama.

22. (1)(a) Setiap permohonan kepada Dewan Negeri **Petisyen** hendaklah dalam bentuk petisyen dan setiap petisyen itu hendaklah dibawa oleh seorang ahli yang bertanggungjawab bagi menentukan bahawa petisyen itu adalah dalam bahasa yang santun.

(b) Sesuatu petisyen yang bertujuan untuk mendapatkan geran, tanggungan atau perbelanjaan daripada wang negeri atau pelepasan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan atau remitan duti yang kena dibayar oleh mana-mana orang atau pampasan kerana kehilangan wang hasil negeri atau kerana membatalkan, mengubah atau memasuhkan sebarang kadar, cukai atau duti tidak boleh diterima oleh Dewan Negeri kecuali telah mendapat sokongan daripada Kerajaan yang disahkan oleh Menteri Besar.

(2)(a) Jika tandatangan diturunkan pada lebih daripada sehelai kertas, maka permohonan petisyen itu hendaklah dituliskan pada kepala setiap helai kertas itu. Seseorang yang tidak berupaya menulis boleh menurunkan cap jarinya di hadapan dua orang saksi.

(b) Dalam sesuatu petisyen tidak boleh menyebut sebarang perbahasan dalam Dewan Negeri atau sebarang usul yang dicadangkan hendak dibawa ke dalam mesyuarat melainkan notis

usul yang tersebut itu telah dimasukkan dalam Buku Mesyuarat.

- (c) Seseorang ahli itu tidak dibenarkan membawa petisyen daripada dirinya sendiri atau petisyen yang disertainya tetapi petisyen demikian boleh dibawa oleh mana-mana ahli lain.
  - (d) Sebelum dibawa ke dalam mesyuarat, setiap petisyen hendaklah ditandatangani pada permulaannya oleh ahli yang membawa petisyen itu dan diserahkan sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu kepada Setiausaha. Setelah menyemak petisyen itu, Setiausaha hendaklah menyerahkannya kepada Yang di-Pertua untuk kelulusan. Tiada petisyen boleh dibawa ke dalam mesyuarat sehingga telah dicatatkan dengan perkataan "*Telah diluluskan oleh Yang di-Pertua.*".
  - (e) Sebelum membawa sesuatu petisyen, setiap ahli hendaklah menulis pada kepala petisyen, jumlah bilangan tandatangan petisyen itu, dan hendaklah berpuas hati bahawa petisyen itu tidak mengandungi bahasa yang tidak santun kepada Dewan Negeri.
- (3) Seseorang ahli yang membawa sesuatu petisyen ke dalam Dewan Negeri perlu menyatakan dengan ringkas dan tepat maksud petisyen itu.
- (4) (a) Mana-mana ahli bolehlah mencadangkan supaya petisyen itu dibaca. Semasa mengemukakan usul, beliau hendaklah menerangkan dengan ringkas tujuan petisyen itu perlu dibacakan.
- (b) Petisyen di bawah subperenggan (1)(a) tidak dibenarkan untuk dibahas dan tiada ahli yang



dibenarkan berucap bagi maksud berkaitan petisyen itu kecuali untuk menyokong usul itu dengan rasmi.

- (c) Setelah usul disokong, maka hendaklah dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat, sama ada petisyen itu hendak dibacakan.

**23. (1) Kertas Mesyuarat hendaklah hanya dikemukakan oleh Yang di-Pertua, Menteri Besar atau Pengerusi sesebuah Jawatankuasa dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha.** **Kertas Mesyuarat**

- (2) Setiap Kertas Mesyuarat yang telah diterima sesalinannya oleh Setiausaha hendaklah disifatkan sebagai telah dikemukakan kepada Dewan Negeri dan diperintahkan supaya dibentangkan di atas Meja Dewan Negeri.

- (3) Setelah Kertas Mesyuarat dibawa ke dalam mesyuarat maka, urusan itu hendaklah dimasukkan dalam minit mesyuarat pada hari kertas itu dibawa, atau pada hari persidangan yang berikutnya, jika Dewan Negeri tidak bersidang.

**24. (1) Soalan bolehlah diajukan kepada Menteri Besar berkaitan —** **Soalan**

(a) Hal ehwal berkenaan fungsi rasminya; atau

(b) Rang Undang-Undang atau usul atau perkara awam lain yang berkaitan dengan urusan Dewan Negeri.

- (2) Tujuan sebenar sesuatu soalan adalah untuk mendapat penerangan berkaitan sesuatu fakta yang ada dalam pengetahuan khusus Menteri Besar.

25. Menteri Besar boleh melantik mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk menjawab soalan bagi pihaknya.

**Pelantikan oleh Menteri Besar untuk menjawab soalan**

26. (1) Sesuatu soalan itu tidak boleh dikemukakan tanpa pemberitahuan melainkan pada pertimbangan Yang di-Pertua soalan ini hendak disegerakan dan berkaitan dengan perkara kepentingan orang awam atau dengan aturan urusan awam dan ahli itu telah mendapatkan kebenaran bertulis daripada Yang di-Pertua bagi mengemukakan soalan itu.

**Pemberitahuan berkenaan soalan**

(2) Pemberitahuan berkenaan dengan setiap soalan hendaklah diberikan oleh seorang ahli secara bertulis tidak kurang daripada dua puluh satu hari daripada hari yang dikehendaki jawapannya dengan menyerahkannya kepada pejabat Setiausaha semasa waktu pejabat.

(3) Jika seseorang ahli itu berkehendakkan soalnya diberi jawapan lisan maka, hendaklah ditandakan pemberituannya dengan perkataan "*Jawapan Lisan*". Yang di-Pertua boleh, mengikut budi bicaranya, mengarahkan sebarang soalan yang bertanda "*Jawapan Lisan*" itu dijawab dengan bertulis.

(4) Seseorang ahli tidak boleh bertanya lebih daripada tiga soalan bagi jawapan lisan dan tidak lebih daripada lima soalan bagi jawapan bertulis dalam mana-mana mesyuarat Dewan Negeri; dan setiap soalan itu tidak boleh mengandungi lebih daripada tiga soalan pecahan.

27. (1) Setiap soalan hendaklah menepati peraturan yang berikut — **Kandungan soalan**

- (a) sesuatu soalan tidak boleh menyentuh nama seseorang atau kenyataan yang tidak mustahak bagi menjelaskan maksud soalan itu,
- (b) jika sesuatu soalan itu mengandungi sesuatu kenyataan, ahli yang bertanya itu hendaklah bertanggungjawab atas kebenaran kenyataan itu,
- (c) sesuatu soalan itu tidak boleh mengandungi sebarang hujah, sangkaan, pendapat, tohmahan, pujian atau kejian atau mengandungi perkataan yang bermaksud mengejek, menyindir atau menyakitkan hati,
- (d) sesuatu soalan itu tidak boleh merujuk kepada perbahasan atau jawapan kepada soalan yang telah dikeluarkan dalam tahun semasa,
- (e) sesuatu soalan itu tidak boleh merujuk prosiding sesuatu Jawatankuasa yang belum dimaklumkan kepada Dewan Negeri,
- (f) sesuatu soalan itu tidak boleh meminta keterangan berkenaan dengan sebarang perkara rahsia,
- (g) sesuatu soalan itu tidak boleh digubal dengan cara yang mungkin memudaratkan sesuatu kes yang sedang dibicarakan, atau tentang sebarang perkara yang masih dalam pertimbangan Mahkamah,
- (h) sesuatu soalan tidak boleh dikeluarkan bagi tujuan mendapatkan pandangan atau

penyelesaian berkenaan perkara undang-undang yang abstrak atau jawapan dalam perkara bersifat andaian,

- (i) sesuatu soalan tidak boleh dikeluarkan berkenaan kesahihan kenyataan akhbar atau yang dikeluarkan oleh seseorang bagi dirinya atau badan kewangan,
- (j) sesuatu soalan tidak boleh dibuat berkenaan dengan watak atau kelakuan seseorang melainkan berhubung dengan kedudukan rasmi atau awamnya,
- (k) sesuatu soalan tidak boleh mengandungi perkara yang tidak sopan terhadap sesebuah negara asing yang bersahabat,
- (l) sesuatu soalan tidak boleh dikeluarkan untuk mendapatkan maklumat mengenai hal ehwal dalam negeri sesebuah negara asing,
- (m) sesuatu soalan tidak boleh dibuat bagi membayangkan watak atau kelakuan seseorang yang kelakuannya hanya boleh dipersoalkan melalui satu usul tersendiri,
- (n) sesuatu soalan tidak boleh dibuat bagi mendapatkan keterangan atau maklumat yang ada dalam dokumen yang boleh diperolehi atau yang ada dalam bahan rujukan biasa,
- (o) sesuatu soalan yang menuduh atau yang membayangkan tuduhan terhadap watak diri seorang itu tidak dibenarkan, dan
- (p) sesuatu soalan yang telah diberi jawapan penuh tidak boleh diulangi lagi dalam tahun yang sama.

(2) Jika Yang di-Pertua berpendapat bahawa sesuatu soalan seorang ahli yang telah memberi pemberitahuan kepada Setiausaha atau telah mendapat kebenaran untuk membuatnya tanpa pemberitahuan adalah melanggar hak mengemukakan soalan, atau bertujuan untuk menghalang atau menjejaskan tatacara Dewan Negeri atau untuk membangkitkan perasaan sakit hati atau bermusuhan-musuhan antara kaum di Malaysia, atau melanggar mana-mana peruntukan Perintah-Perintah Tetap ini, beliau boleh mengarahkan —

(a) soalan itu dicetak atau dibuat dengan sebarang pindaan sebagaimana yang diarahkan oleh beliau; atau

(b) ahli yang mengemukakan soalan itu diberitahu bahawa soalnya tidak dibenarkan.

(3) Alasan penolakan sesuatu soalan oleh Yang di-Pertua, hendaklah diberitahu secara bertulis kepada ahli berkenaan oleh Setiausaha.

(4) Walau apa pun yang terkandung di dalam perenggan (1) hingga (3), Menteri Besar boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertua, enggan menjawab soalan atas alasan kepentingan awam, dan keenggannya menjawab tidak boleh dibahaskan atau dipersoalkan.

**28.** (1) Jika sesuatu soalan itu berkendakkan jawapan lisan dan tiada jawapan bertulis diarahkan oleh Yang di-Pertua, maka Yang di-Pertua apabila sampai kepada soalan itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat, hendaklah memanggil ahli yang tertulis namanya pada soalan itu. Ahli yang

**Cara mengemukakan soalan dan menjawab soalan**

dipanggil itu hendaklah berdiri di tempatnya, dan mengemukakan soalan itu dengan menyebut nombor soalnya dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan Menteri Besar boleh menjawabnya.

- (2) Jika seseorang ahli yang hendak mengemukakan soalan meminta jawapan lisan itu tidak bangun mengemukakan soalnya, mana-mana ahli lain bolehlah mengambil alih soalan itu untuk dijadikan soalnya sendiri dan dia boleh berdiri di tempatnya dan mengemukakan soalan itu mengikut cara yang ditetapkan di bawah perenggan (1). Jika tiada sesiapa yang berdiri di tempatnya mengemukakan soalan maka, Menteri Besar boleh menghantar salinan jawapan soalan itu kepada ahli yang bertanya dan kepada Setiausaha untuk dimasukkan dalam Penyata Rasmi:

Dengan syarat bahawa pada bila-bila masa sebelum Yang di-Pertua memanggil ahli yang mengemukakan soalan itu berdiri, ahli boleh menyatakan hasratnya hendak menangguhkan soalan kepada persidangan yang berikutnya dan boleh juga menarik balik soalnya itu.

- (3) Yang di-Pertua boleh membenarkan ahli mengeluarkan soalan tambahan, bagi maksud menerangkan sebarang fakta yang telah diberikan jawapan lisan, tetapi dia boleh menolak sebarang soalan jika pada pendapatnya soalan itu menimbulkan perkara yang tidak berkaitan dengan soalan asal atau melanggar mana-mana peruntukan Perintah Tetap 27.
- (4) Sesuatu soalan itu tidak boleh dijadikan helah untuk berbahas.

- (5) Soalan selain daripada soalan tambahan yang terhasil daripada pertanyaan yang telah dikemukakan dan yang dibenarkan oleh Yang di-Pertua, tidak boleh dikemukakan lagi selepas tiga puluh minit dari permulaan waktu soalan.
- (6) Jika sesuatu soalan itu tidak memerlukan jawapan lisan, atau jawapan tersebut diperintahkan untuk dijawab secara bertulis menurut perenggan 26(3), Menteri Besar hendaklah menghantar salinan jawapan itu kepada ahli yang bertanya dan kepada Setiausaha untuk dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

**29.** Dengan izin Yang di-Pertua, seseorang ahli boleh mengeluarkan penerangan sendiri pada waktu yang ditetapkan di bawah Perintah Tetap 17 walaupun pada masa itu tidak ada pertanyaan dalam Dewan Negeri, tetapi tidak boleh dikeluarkan perkara yang akan membangkitkan pertelingkahan dan tidak dibenarkan perbincangan tentang penerangan tersebut. Isi penerangan yang dicadangkan itu hendaklah dihantar dengan sepenuhnya kepada Yang di-Pertua semasa memohon keizinan ketika memberi penerangan itu.

**Penerangan sendiri**

**30.** (1) Melainkan ada peruntukan selainnya dalam Perintah Tetap ini, pemberitahuan hendaklah diberi tentang mana-mana usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat, kecuali usul berikut —

**Pemberitahuan Usul**

- (a) usul untuk meminda cadangan yang telah dikemukakan kepada mesyuarat oleh Pengerusi,
- (b) usul yang dibawa dalam Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri,

- (c) usul untuk menanggukkan Dewan Negeri atau sebarang perbahasan,
- (d) usul untuk menjalankan sebarang perkara tertentu tanpa mengikut susunan biasa,
- (e) usul daripada Menteri Besar di bawah peruntukan perenggan 6(1),
- (f) usul supaya prosiding atas sebarang urusan yang tertentu dikecualikan daripada peruntukan Perintah Tetap 13,
- (g) usul untuk melantik Jawatankuasa Pilihan,
- (h) usul untuk menggantung kerja seseorang sebagai ahli,
- (i) usul untuk membatalkan undi seseorang ahli di bawah peruntukan perenggan 51(5),
- (j) usul untuk menyerahkan sesuatu Rang Undang-Undang kepada sesebuah Jawatankuasa Pilihan di bawah Perintah Tetap 58,
- (k) usul untuk menyerahkan balik sesuatu Rang Undang-Undang yang telah dimaklumkan kepada Dewan Negeri oleh sesebuah Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri,
- (l) usul untuk menarik balik sesuatu Rang Undang-Undang di bawah Perintah Tetap 66;
- (m) usul untuk menggantung mana-mana Perintah Tetap yang dicadangkan di bawah Perintah Tetap 85 setelah mendapat izin daripada Yang di-Pertua,



- (n) usul untuk mengeluarkan orang luar,
  - (o) usul untuk menutup perbincangan di bawah Perintah Tetap 44,
  - (p) usul berkenaan hak dan kebebasan,
  - (q) usul untuk sesuatu petisyen itu dibacakan, dicetak atau dirujuk kepada sesebuah Jawatankuasa Pilihan, atau
  - (r) usul untuk penyata sesebuah Jawatankuasa Pilihan dirujuk kepada Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri.
- (2) Sesuatu usul —
- (a) yang bertujuan mendapatkan pemberian, tanggungan atau perbelanjaan daripada wang Negeri; atau
  - (b) yang bertujuan mendapatkan pelepasan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan; atau
  - (c) yang bertujuan mendapatkan remitan duti yang kena dibayar oleh mana-mana orang; atau
  - (d) yang bertujuan mendapatkan pampasan kerana kehilangan daripada wang hasil negeri; atau
  - (e) bagi membatalkan, mengubah atau memansuhkan sebarang kadaran, cukai atau duti,

tidak boleh dijalankan melainkan setelah mendapat sokongan Kerajaan dan disahkan oleh Menteri Besar.

- (3) Sesuatu usul yang menyentuh secara langsung atau tidak, sebarang pemberian, perbelanjaan, tanggungan, pelepasan, remitan atau pampasan seperti yang disebutkan dalam subperenggan (2)(a) hingga (d) hendaklah disifatkan sebagai bertujuan mendapatkan pemberian, tanggungan perbelanjaan, pelepasan, remitan atau pampasan, melainkan Menteri Besar mengesahkan bahawa ia merupakan perkara kecil sahaja dan bukan bersifat substantif, dengan mengambil kira tujuan usul itu.
- (4) Menteri Besar boleh melantik seorang ahli lain bagi pihaknya untuk membawa usul atas namanya.

**31.** (1) Jika di bawah mana-mana Perintah Tetap (atau menurut kelaziman Dewan Negeri) sesuatu perkara itu berkehendakkan pemberitahuan maka, pemberitahuan itu hendaklah disampaikan kepada pejabat Setiausaha dalam tempoh masa bekerja biasa.

**Cara menyampaikan pemberitahuan**

- (2) Setiap pemberitahuan itu hendaklah ditandatangani.
- (3) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Tetap 47 dan perenggan 83(5), sebarang usul hendaklah dikemukakan pemberitahuan tidak kurang daripada 21 hari, melainkan jika usul itu dikemukakan atas nama Menteri Besar atau seorang ahli bagi pihak Menteri Besar, memadai pemberitahuan tujuh hari sahaja, atau jika Yang di-Pertua berpuas hati setelah diterangkan kepadanya oleh Menteri Besar bahawa

kepentingan orang awam yang menghendaki sesuatu usul itu dibahas dengan seberapa segera, memadai pemberitahuan satu hari sahaja.

- (4) Semua pemberitahuan hendaklah dicetak atau ditaip dan dihantarkan kepada ahli sehari sebelum hari persidangan apabila perkara yang telah dikeluarkan pemberitahuan itu hendak dibawa.
- (5) Jika Yang di-Pertua berpendapat bahawa sesuatu pemberitahuan yang diterima oleh Setiausaha itu melanggar sebarang peruntukan Perintah-Perintah Tetap ini atau menyalahi peraturan lain maka, Yang di-Pertua boleh mengarahkan —
  - (a) pemberitahuan dicetak dengan sebarang perubahan yang diperintakkannya; atau
  - (b) pemberitahuan dikembalikan kepada ahli yang menandatangani dengan menyatakan pandangan Yang di-Pertua bahawa pemberitahuan itu menyalahi peraturan.
- (6) Tertakluk pada peruntukan dalam perenggan (5), usul atau pindaan yang dihantar kepada Setiausaha hendaklah dicetak dan diedarkan oleh beliau. Sebarang pindaan Rang Undang-Undang hendaklah diatur mengikut susunan pindaan yang hendak dicadangkan.

**32.** Jika seseorang ahli hendak mengubah isi sesuatu usul atas namanya maka, bolehlah dipindanya dengan menghantar kepada Setiausaha, satu pemberitahuan pindaan usulnya itu dengan syarat pindaan itu pada pendapat Yang di-Pertua, tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal pada perkara atau skopnya. Pemberitahuan meminda usul itu hendaklah bermula dari masa pemberitahuan usul yang asal diberikan.

**Pengubahan isi  
sesuatu usul**

**33.** (1) Seseorang ahli boleh menghantar pemberitahuan bertulis kepada Setiausaha untuk menarik balik sebarang pemberitahuan usul yang telah dikeluarkan oleh beliau terlebih dahulu. **Menarik balik pemberitahuan usul**

(2) Apabila pemberitahuan usul ditarik balik seperti yang diperuntukkan selepas usul itu dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat maka, usul itu tidak boleh dicadangkan tetapi hendaklah dikekalkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan, apabila sampai masanya, Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mengumumkan usul itu dicatat dalam minit mesyuarat.

**34.** (1) Pada masa sesuatu usul itu dalam pertimbangan Dewan Negeri atau Jawatankuasa Dewan Negeri, sesuatu pindaan bolehlah dicadangkan sekiranya pindaan itu berkaitan dengan usul tersebut. **Pindaan usul**

(2) Sesuatu pindaan boleh dicadangkan kepada mana-mana pindaan itu sekiranya pindaan tersebut berkaitan dengannya.

(3) Sesuatu pindaan itu tidak boleh menimbulkan sebarang persoalan yang mengikut peraturan Dewan Negeri hanya boleh dibangkitkan dengan satu usul tersendiri setelah diberi pemberitahuan.

(4) Sesuatu persoalan, apabila dikemukakan oleh Pengerusi, boleh dipinda menurut semua atau sebarang cara yang berikut –

(a) dengan memotong perkataan tertentu untuk memasukkan perkataan lain,

(b) dengan memotong perkataan tertentu; atau

(c) dengan memasukkan atau menambah perkataan lain.

**35.** (1) Dalam Dewan Negeri, sesuatu usul atau pindaan itu tidak boleh dikemukakan oleh Yang di-Pertua melainkan usul atau pindaan itu telah disokong.

**Menyokong usul dan pindaan**

(2) Dalam Jawatankuasa, penyokong tidak diperlukan.

**36.** Sesuatu pindaan usul yang telah dikemukakan dalam Dewan Negeri atau dalam Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri hendaklah dibuat dengan cara bertulis oleh pencadangnya, dan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha, melainkan Pengerusi mengetepikan keperluan bahawa pindaan usul tersebut hendaklah dibuat secara bertulis.

**Pindaan usul hendaklah dengan cara bertulis**

**37.** (1) Apabila sesuatu usul itu telah dicadangkan dan disokong, jika memerlukan sokongan, Pengerusi hendaklah mengemukakan persoalan itu kepada Dewan Negeri atau Jawatankuasa sebagaimana kandungan usul itu, persoalan tersebut boleh dibahaskan dan tertakluk pada peruntukan Perintah-Perintah Tetap ini, diteruskan selagi ada ahli yang hendak berucap.

**Cara membahaskan usul dan pindaan usul**

(2) Apabila tiada lagi ahli yang hendak berucap, maka, Pengerusi hendaklah meminta Dewan Negeri atau Jawatankuasa menyatakan keputusannya menurut peruntukan Perintah Tetap 49.

(3) Sebarang pindaan kepada usul yang hendak dicadangkan oleh seseorang ahli menurut peruntukan Perintah Tetap 34, boleh dicadangkan

dan disokong jika perlu, pada bila-bila masa selepas persoalan dikemukakan oleh Pengerusi dan sebelum Pengerusi meminta keputusan mesyuarat setelah selesai perbincangan. Apabila setiap pindaan itu telah diputuskan maka, Pengerusi hendaklah sama ada sekali lagi mengemukakan persoalan berkenaan dengan usul itu atau persoalan berkenaan dengan usul yang telah dipinda, mengikut kesesuaian, dan setelah dijalankan setiap perbincangan yang berbangkit maka, Pengerusi hendaklah mengemukakan persoalan itu kepada Dewan Negeri atau Jawatankuasa untuk diputuskan.

- (4) (a) Jika sesuatu pindaan itu mencadangkan dipotong sebarang perkataan dalam usul itu maka, persoalan yang akan dikemukakan hendaklah “... bahawa perkataan yang dicadangkan hendak dipotong itu hendaklah dipotong daripada persoalan itu.”
- (b) Jika sesuatu pindaan itu mencadangkan dimasukkan atau ditambahkan perkataan di hujung sesuatu usul maka, persoalan yang akan dikemukakan hendaklah “... bahawa perkataan itu dimasukkan di situ” atau “ditambah” mengikut mana-mana yang dikehendaki.
- (c) Jika sesuatu pindaan itu mencadangkan perkataannya dipotong dan dimasukkan atau ditambahkan perkataan lain sebagai gantinya, maka, mula-mula sekali hendaklah dikemukakan persoalan “... bahawa perkataan yang dicadang hendak dipotong itu hendaklah dipotong daripada persoalan itu” dan jika persoalan itu dipersetujui maka, hendaklah dikemukakan pula persoalan “... bahawa perkataan itu dimasukkan di situ”

atau “*ditambah*”, mengikut kesesuaian. Jika persoalan yang pertama itu tidak dipersetujui maka, tidak boleh dicadangkan pindaan lain kepada perkataan yang telah diputuskan oleh Dewan Negeri atau Jawatankuasa, maka persoalan itu tidak akan dipotong.

- (d) Jika sebelum diminta keputusan hendak memotong sebarang perkataan, Pengerusi dimaklumkan bahawa seorang ahli hendak mencadangkan suatu pindaan memotong sebahagian sahaja daripada perkataan tadi, dan jika pada pendapat Pengerusi pindaan yang dicadangkan itu sebahagian besar daripadanya ialah pindaan baharu, Pengerusi hendaklah, jika boleh, meminta keputusan memotong sebanyak mana pindaan asal yang tidak disentuh oleh pindaan yang kedua; tetapi jika pindaan itu dipersetujui maka, semua sekali perkataan yang dicadangkan dipotong dalam pindaan asal itu adalah disifatkan diperintah telah terpotong.
  - (e) Apabila dua atau lebih pindaan dicadangkan bagi usul yang sama, Pengerusi hendaklah memanggil para pencadang pindaan itu menurut turutan pindaan yang dicadangkan, berkaitan dengan teks usul atau jika tiada ketentuan siapakah yang hendak didahulukan atau dikemudiankan, maka terpulanglah kepada Pengerusi untuk memutuskannya; dengan syarat bahawa tidak boleh dicadangkan sebarang pindaan yang berkaitan dengan sebarang perkataan yang Dewan Negeri atau Jawatankuasa telah memutuskan tidak akan dipotong daripada usul itu.
- (5) (a) Apabila seseorang ahli berhasrat untuk mencadangkan sebarang pindaan terhadap

sesuatu pindaan, pindaan itu boleh dicadangkan dan disokong jika memerlukan sokongan pada bila-bila masa selepas pindaan asal itu dikemukakan, dan sebelum pindaan berkenaan diputuskan pada akhir perbahasan pindaan asal itu.

(b) Peruntukan perenggan (4) hendaklah dipakai bagi perbahasan berkenaan dengan pindaan atas pindaan dengan menggantikan perkataan "*persoalan*" dengan perkataan "*pindaan asal*" di mana yang sesuai.

(c) Apabila setiap pindaan ke atas pindaan itu telah diputuskan, Pengerusi hendaklah mengemukakan pindaan asal atau pindaan asal yang telah dipinda itu, mengikut mana yang dikehendaki.

**38.** (1) Sesuatu usul atau pindaan boleh, jika diminta oleh pencadangnya dan dengan keizinan Yang di-Pertua atau Pengerusi, ditarik balik sebelum dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat. Usul atau pindaan yang ditarik balik itu boleh dicadangkan semula dengan syarat, pemberitahuan berkenaan usul tersebut diberikan menurut Perintah-Perintah Tetap ini.

**Penarikan balik usul dan pindaan**

(2) Jika pindaan pada sesuatu usul atau pindaan terhadap pindaan telah dikemukakan maka, usul atau pindaan yang hendak dipinda itu tidak boleh ditarik balik sehingga pindaan kepada usul atau pindaan pada pindaan itu telah diputuskan.



## PERATURAN-PERATURAN BERBAHAS

- 39.** (1) Seseorang ahli yang hendak berucap, hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil, hendaklah dia berdiri dan mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang ahli tidak boleh berucap melainkan setelah dipanggil oleh Pengerusi. **Masa dan cara berucap**
- (2) Jika dua atau lebih ahli bangun serentak, Pengerusi hendaklah memanggil ahli yang dahulu sekali terpendang oleh beliau.
- (3) Seseorang ahli tidak boleh berucap lebih daripada sekali dalam sesuatu persoalan kecuali —
- (a) dalam persidangan Jawatankuasa; atau
  - (b) bagi menerangkan sesuatu hal seperti yang ditetapkan dalam perenggan (4); atau
  - (c) dalam hal pencadang sesuatu usul tersendiri bagi menjawab hujah yang dikeluarkan dalam perbahasan,
- Dengan syarat bahawa seseorang ahli boleh, tanpa menyentuh haknya untuk berucap kemudiannya dalam perbahasan itu, menyokong sesuatu usul atau pindaan dengan bangun di tempatnya dan menyatakan bahawa dia bercadang hendak menyokong usul atau pindaan itu.
- (4) Seseorang ahli yang telah berucap dalam sesuatu persoalan itu boleh bercakap untuk menerangkan sebarang perkara material dalam ucapannya yang telah menimbulkan salah faham; tetapi dia tidak boleh mengeluarkan perkara baharu.

- (5) Seseorang ahli yang telah berucap boleh berucap sekali lagi apabila suatu persoalan baharu dikemukakan oleh Pengerusi seperti cadangan pindaan atau usul untuk menangguhkan perbahasan.
  - (6) Seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan daripada buku atau surat bagi menyokong hujahnya dan boleh merujuk nota bagi mengingatkan semula sebarang yang hendak diucapkannya.
  - (7) Seseorang ahli tidak boleh berucap berkenaan sebarang perkara yang beliau mempunyai kepentingan kewangan persendirian secara langsung (selain perkara-perkara gaji menurut sebarang peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan) tanpa menerangkan setakat manakah kepentingan itu.
  - (8) Pengerusi boleh, mengikut budi bicaranya, menghadkan masa bagi ahli mengambil bahagian dalam perbahasan, jika perlu.
- 40.** (1) Seseorang ahli hendaklah menghadkan pandangannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan sebarang perkara yang tidak berkaitan dengannya. **Kandungan ucapan**
- (2) Rujukan tidak boleh dibuat kepada sebarang perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah sekiranya pada pertimbangan Pengerusi boleh menyentuh kepentingan pihak yang berkenaan.

- (3) (a) Seseorang ahli hendaklah bertanggungjawab atas kebenaran kenyataan dan isi kandungan ucapannya.
- (b) Jika mana-mana ahli melanggar peruntukan perenggan (a), bolehlah seseorang ahli lain dengan persetujuan Pengerusi mencadangkan satu usul yang tidak dikehendaki dikeluarkan pemberitahuan terlebih dahulu untuk merujuk perkara itu kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri untuk pertimbangannya dan melaporkan semula kepada Dewan Negeri dengan cadangannya.
- (4) Adalah menyalahi peraturan jika dipertimbangkan semula sebarang perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Dewan Negeri dalam tahun Dewan Negeri yang berjalan sekarang, kecuali dengan usul tersendiri bagi membatalkan keputusan Dewan Negeri berkenaan dengan perkara itu.
- (5) Adalah menyalahi peraturan bagi seseorang ahli menggunakan bahasa yang menghina dan mencela kepada ahli lain.
- (6) Seseorang ahli tidak boleh menyebut nama ahli lain.
- (7) Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk kepada mana-mana ahli lain.
- (8) Nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, Tuan-Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri atau Hakim tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Dewan Negeri.

- (9) Tingkah laku atau keperibadian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri atau Hakim dan orang lain yang menjalankan pentadbiran kehakiman atau Ahli Majlis Angkatan Tentera atau mana-mana Suruhanjaya Perkhidmatan yang ditubuhkan di bawah Bahagian X Perlembagaan Persekutuan atau Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya atau mana-mana ketua negara yang bersahabat dengan Malaysia, tidak boleh disebut kecuali dengan dikemukakan usul tersendiri bagi maksud itu.
- (10) Dalam mana-mana perbahasan, tidak boleh disebut tingkah laku atau peribadi mana-mana ahli Parlimen atau ahli Dewan Negeri atau mana-mana pegawai Kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau pegawai Kerajaan mengikut mana-mana yang berkenaan.
- (11) Adalah menyalahi peraturan menggunakan —
- (a) perkataan-perkataan yang membawa maksud derhaka kepada negara, negeri atau pemerintah,
  - (b) perkataan-perkataan yang membawa maksud hasutan; atau
  - (c) perkataan-perkataan yang membawa maksud menimbulkan perasaan sakit hati atau bermusuhan antara kaum dalam Malaysia.

- (12) Jika pada pendapat Pengerusi bahawa mana-mana usul atau pindaan atau sambungan perbahasan berkenaan dengannya itu bertujuan untuk melanggar Perintah-Perintah Tetap ini maka, Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, serta boleh memberhentikan perbahasan dan mengarahkan supaya prosiding selanjutnya atas usul atau pindaan itu diberhentikan.

**41.** Tiada ahli boleh mencelah ahli yang sedang berucap **Pencelahan**  
kecuali —

- (a) dengan berdiri di tempatnya dan mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat, pada masa itu ahli yang sedang berucap itu hendaklah duduk dan ahli yang mencelah itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikemukakannya untuk pengetahuan mesyuarat dan menyerahkan perkara itu kepada Pengerusi untuk keputusannya; atau
- (b) bagi menerangkan sebarang perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang berucap itu dengan syarat bahawa ahli yang sedang berucap itu bersedia memberi laluan dan duduk di tempatnya dan ahli yang hendak mencelah itu dipanggil oleh Pengerusi.

**42.** (1) Perbahasan atas sebarang usul, selain daripada usul hendak menangguhkan Dewan Negeri, dan perbahasan atas sebarang Rang Undang-Undang atau pindaan, hendaklah berkaitan dengan usul, Rang Undang-Undang atau pindaan itu. **Skop perbahasan**

- (2) Perbahasan atas sebarang usul bagi menangguhkan Dewan Negeri hendaklah

berkaitan dengan perkara yang hendak dibangkitkan menurut Perintah Tetap 20 dan 21.

- (3) Dalam sesuatu pindaan yang dicadangkan untuk dipotong sebarang perkataan dan dimasukkan perkataan lain sebagai gantinya, perbahasan atas persoalan “... *bahawa perkara yang dicadang dipotong itu hendaklah dipotong*” boleh termasuk perkataan yang dicadangkan hendak dipotong, ditambah atau dimasukkan.
  - (4) Dalam sesuatu pindaan yang dicadangkan untuk dipotong atau ditambah atau dimasukkan perkataan, perbahasan berkenaan hendaklah dihadkan hanya kepada perkara memotong, menambah atau memasukkan perkataan tersebut sahaja.
  - (5) Perbahasan sebarang usul “... *bahawa perbahasan ditangguhkan sekarang*” atau dalam Jawatankuasa “... *bahawa Pengerusi hendaklah memaklumkan perkembangan perbahasan yang telah dijalankan dan meminta izin hendak bersidang semula*” hendaklah dihadkan kepada perkara usul itu, dan seseorang ahli yang mengemukakan atau menyokong sebarang usul tidak boleh lagi mencadangkan atau menyokong sebarang usul yang serupa dalam perbahasan yang sama.
- 43. (1)** Adalah menyalahi peraturan, jika mendahulukan perbahasan atas Rang Undang-Undang yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat dengan membahaskan sesuatu usul tersendiri atau pindaan yang sama perkaranya dengan isi Rang Undang-Undang atau dengan membangkitkan perkara Rang Undang-Undang itu dalam usul menangguhkan Dewan Negeri.

**Mendahului  
perbahasan**

- (2) Adalah menyalahi peraturan mendahulukan perbahasan sesuatu usul yang telah dikeluarkan pemberitahuan dengan membahaskan sesuatu pindaan atau membangkitkan perkara yang sama isinya dengan perkara usul itu dalam usul menangguhkan Dewan Negeri.
- (3) Bagi memutuskan sama ada sesuatu perbahasan itu salah atau tidak pada peraturan mesyuarat kerana mendahului perbahasan mesyuarat maka, Pengerusi hendaklah menimbangkan kewajaran perkara itu dibawa dalam Dewan Negeri dalam tempoh yang munasabah.

- 44.** (1) Setelah sesuatu persoalan dikemukakan kepada mesyuarat, maka, seseorang ahli boleh bangun di tempatnya dan menuntut untuk mencadangkan usul "*Bahawa persoalan ini diputuskan sekarang*", dan melainkan jika pada fikiran Pengerusi usul itu adalah merupakan penyalahgunaan peraturan Dewan Negeri atau melanggar hak golongan minoriti maka, persoalan "*Bahawa persoalan ini diputuskan sekarang*" hendaklah dikemukakan dan diputuskan dengan serta-merta tanpa dipinda atau dibahaskan walaupun pencadang usul yang asal itu atau pencadang pindaan ke atas usul itu tidak ada peluang menjawab. **Menutup perbahasan**
- (2) Apabila usul "*Bahawa persoalan ini diputuskan sekarang*" telah dipersetujui dan persoalan asal telah diputuskan maka, mana-mana ahli boleh menuntut supaya sebarang persoalan lain yang telah dikemukakan oleh Pengerusi itu diputuskan sekarang dan jika Pengerusi bersetuju, persoalan itu hendaklah diputuskan dengan serta-merta oleh mesyuarat dan diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahaskan.

**45. Semasa mesyuarat bersidang—**

**Adab ahli yang tidak berucap**

- (a) semua ahli hendaklah masuk, keluar dan berkelakuan penuh sopan dan tertib dalam Dewan Negeri,
- (b) ahli tidak boleh melintas ruangan di tengah Dewan Negeri jika tidak perlu,
- (c) ahli tidak boleh bercakap di dalam Dewan Negeri jika tidak perlu,
- (d) ahli tidak boleh membaca surat khabar, buku, surat atau dokumen lain kecuali sebarang perkara yang berkaitan secara langsung dengan urusan yang dibahas,
- (e) ahli tidak boleh makan, merokok atau melakukan perbuatan yang seumpamanya di dalam Dewan Negeri;
- (f) semasa seseorang ahli sedang berucap, ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mencelah melainkan dengan beradab.

**46.** Apabila ahli ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau apabila Pengerusi membuat teguran semasa perbahasan, maka, ahli yang sedang berucap atau yang hendak berucap hendaklah duduk dan Dewan Negeri atau Jawatankuasa hendaklah diam supaya ucapan Pengerusi boleh didengar tanpa gangguan.

**Adab ketika Pengerusi berucap**

**47.** Yang di-Pertua dalam Dewan Negeri atau Pengerusi dalam Jawatankuasa bertanggungjawab bagi menjaga supaya peraturan Dewan Negeri atau Jawatankuasa dipatuhi, dan keputusannya berkenaan dengan sebarang perkara peraturan mesyuarat tidak boleh dirayu, dipertimbangkan semula atau dikaji semula oleh Dewan

**Keputusan Yang di-Pertua atau Pengerusi adalah muktamad**



Negeri kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri dengan tujuan sedemikian dalam tempoh dua hari.

- 48.** (1) Pengerusi, setelah menarik perhatian Dewan Negeri atau Jawatankuasa, boleh memerintahkan seseorang ahli itu berhenti berucap jika beliau berdegil menyentuh perkara yang tidak berkaitan dengan mesyuarat atau berulang kali menyebutkan sama ada hujahnya sendiri atau hujah yang digunakan oleh ahli lain dalam perbahasan.
- Tertib dalam Dewan Negeri**
- (2) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana ahli yang berkelakuan tidak senonoh, keluar dengan serta-merta daripada Dewan Negeri sehingga tamat persidangan pada hari itu, dan Bentara hendaklah menjalankan sebarang perintah daripada Pengerusi menurut Perintah Tetap ini, tetapi jika pada bila-bila masa, difikirkan oleh Pengerusi kuasa di bawah peruntukan terdahulu daripada Perintah Tetap ini adalah tidak mencukupi, maka, boleh disebutkannya nama ahli yang berkelakuan tidak senonoh itu berdasarkan tatacara yang sama sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan (3),(4),(5) dan (6) hendaklah diikuti.
- (3) Apabila seseorang ahli telah disebutkan namanya oleh Pengerusi sebaik-baik sahaja ahli tersebut melakukan kesalahan kerana tidak mengendahkan kuasa Pengerusi, atau kesalahan mengganggu urusan Dewan Negeri secara berterusan atau sengaja menyalahgunakan Perintah-Perintah Tetap atau sebaliknya, jika kesalahan itu dilakukan oleh ahli itu dalam Dewan Negeri, suatu usul "*Bahawa Yang Berhormat...digantung perkhidmatannya sebagai Ahli Dewan Negeri*" hendaklah dicadangkan serta-merta oleh Menteri Besar atau mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat

Kerajaan dan disokong oleh seorang ahli lain yang hadir dan Pengerusi hendaklah dengan serta-merta mengemukakan usul itu dengan tidak dibenarkan dipinda, ditangguh atau dibahas dan jika kesalahan itu dilakukan dalam Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri maka, Pengerusi hendaklah dengan serta-merta menetapkan tempoh prosiding Jawatankuasa itu dan memaklumkan perkara itu kepada Dewan Negeri; dan Yang di-Pertua setelah dikemukakan usul dengan serta-merta hendaklah mengemukakan persoalan yang sama dengan tidak dibenarkan dipinda, ditangguh atau dibahas, seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan dalam Dewan Negeri sendiri.

- (4) Tidak lebih daripada seorang ahli boleh disebutkan namanya serentak, melainkan dua orang ahli atau lebih telah bersama-sama tidak mengendahkan kuasa Pengerusi.
- (5) Jika seseorang ahli itu digantung di bawah peruntukan Perintah Tetap ini, ahli itu hendaklah diperintahkan oleh Yang di-Pertua keluar daripada mesyuarat dan penggantungannya hendaklah berterusan sehingga tamat mesyuarat.
- (6) Jika seorang ahli atau lebih sama-sama melakukan kesalahan dan telah digantung perkhidmatannya sebagai ahli Dewan Negeri di bawah Perintah Tetap ini, ingkar menurut perintah Yang di-Pertua supaya keluar, apabila setiap seorang disuruh keluar oleh Bentara menurut perintah Yang di-Pertua maka, Yang di-Pertua hendaklah menarik perhatian Dewan Negeri kepada fakta bahawa mustahak dijalankan tindakan tegas bagi memaksa ahli itu mengikut perintahnya. Apabila seorang ahli atau lebih yang telah disebutkan namanya oleh Yang di-Pertua kerana ingkar menurut perintahnya telah

dikeluarkan daripada Dewan Negeri maka, tanpa dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat, ahli itu hendaklah digantung perkhidmatannya sebagai ahli Dewan Negeri sehingga habis tahun.

- (7) Ahli yang diperintahkan keluar menurut perenggan (2) atau yang telah digantung perkhidmatannya sebagai Ahli Dewan Negeri menurut perenggan (3) dan (6), dengan sertamerta hendaklah keluar dari kawasan Dewan Negeri dan tidak dibenarkan masuk sehingga habis persidangan mesyuarat atau selama tempoh mereka digantung perkhidmatannya sebagai Ahli Dewan Negeri, mengikut mana yang berkenaan.
- (8) Sekiranya berlaku keadaan di luar kawalan yang besar dalam Dewan Negeri maka, Yang di-Pertua boleh menangguhkan Dewan Negeri jika pada fikirannya perlu berbuat demikian tanpa meminta keputusan mesyuarat, atau memberhentikan persidangan selama yang ditetapkannya, dan jika sekiranya berlaku keadaan di luar kawalan yang besar dalam persidangan Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri maka, Pengerusi boleh memberhentikan prosiding Jawatankuasa itu dan memaklumkan hal itu kepada Dewan Negeri dan setelah itu Yang di-Pertua boleh mengambil sebarang langkah seolah-olah keadaan di luar kawalan itu telah berlaku di dalam Dewan Negeri.
- (9) Tiada apa-apa pun dalam Perintah Tetap ini yang boleh menghilangkan kuasa Dewan Negeri bagi menjalankan sebarang prosiding terhadap mana-mana ahli menurut mana-mana ketetapan Dewan Negeri.

**49.** Tertakluk kepada peruntukan Fasal (4) Perkara III Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, Dewan Negeri hendaklah

**Memutuskan persoalan**

mengambil keputusan mengikut pihak yang mendapat lebih undi, dan jika undi yang diperoleh sama banyak, Yang di-Pertua atau sesiapa yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mengeluarkan undi pemutus tetapi beliau tidak boleh mengundi dalam keadaan lain.

- 50.** (1) Seseorang ahli tidak boleh berucap lagi tentang sesuatu persoalan yang telah dikemukakan oleh Pengerusi untuk diputuskan. **Undi dengan suara**
- (2) Sesuatu persoalan itu adalah selesai dikemukakan bagi diputuskan apabila Pengerusi telah mengambil undi yang bersetuju dan yang tidak bersetuju.
- (3) Apabila persoalan itu telah dikemukakan oleh Pengerusi kepada mesyuarat bagi diputuskan setelah tamat perbahasan maka, keputusan hendaklah diambil dengan menurut suara Setuju dan Tidak dengan syarat tidak ada ahli yang meminta diadakan belah bahagian, keputusan itu hendaklah diisytiharkan oleh Pengerusi.
- (4) Jika pendapat Pengerusi berkenaan dengan keputusan atas sesuatu persoalan itu dicabar oleh mana-mana ahli yang meminta diadakan belah bahagian, maka, Pengerusi hendaklah meminta ahli yang berkehendakkan belah bahagian itu bangun di tempat masing-masing. Jika kurang daripada sepuluh orang ahli yang bangun maka, Pengerusi hendaklah mengisytiharkan keputusan itu dengan serta-merta. Jika sepuluh atau lebih daripada sepuluh ahli bangun, Pengerusi hendaklah memerintah diadakan belah bahagian setelah dikeluarkan amaran yang difikirkannya mustahak maka, hendaklah dilantik Penghitung Undi.

- 51. (1)** Apabila belah bahagian telah diperintahkan maka, **Belah bahagian** Penghitung Undi hendaklah bertanya kepada setiap ahli secara berasingan pilihan undiannya dan Setiausaha hendaklah memasukkan undi setiap ahli itu dan nama ahli yang tidak mengundi dalam minit mesyuarat.
- (2) Apabila seseorang ahli itu ditanya pilihan undiannya dalam sesuatu belah bahagian, boleh dijawabnya dengan mengatakan bahawa dia mengundi Setuju atau Tidak atau dengan menyatakan secara jelas, iaitu beliau tidak mahu mengundi. Seseorang ahli tidak boleh memberi jawapan yang berlawanan dengan sebarang ketetapan yang dikeluarkannya pada masa diadakan undi dengan suara beramai-ramai.
- (3) Apabila setiap ahli yang hadir telah ditanya pilihan undiannya maka, Pengerusi hendaklah menyatakan bilangan yang Setuju dan bilangan yang Tidak dan selepas itu hendaklah diisytiharkan keputusan belah bahagian itu dan, jika perlu, Yang di-Pertua atau Pengerusi hendaklah mengeluarkan undi pemutus.
- (4) Jika seseorang ahli menyatakan dia telah tersilap mengundi atau undinya tidak dikira dengan betul, maka, bolehlah dia menuntut supaya diubah undinya itu dengan syarat permohonannya itu dibuat sebaik sahaja Pengerusi mengisytiharkan bilangan undi dan sebelum Pengerusi mengisytiharkan keputusan belah bahagian itu.
- (5) Seseorang ahli tidak boleh mengundi dalam sebarang perkara yang mana dia mempunyai kepentingan kewangan secara langsung (selain daripada perkara gaji menurut sebarang peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul

Ridzuan) tetapi sesuatu usul untuk membatalkan undi seseorang ahli itu atas alasan ini, hanya boleh dikeluarkan dengan serta-merta sebaik sahaja diisytiharkan bilangan undi ahli yang mengundi. Jika usul ini dipersetujui maka, Pengerusi hendaklah mengarahkan Setiausaha membetulkan bilangan undi itu sewajarnya.

**52.** Setiap Rang Undang-Undang, selain daripada suatu Rang Undang-Undang persendirian, hendaklah diisytiharkan dalam *Warta* Kerajaan bagi pengetahuan umum sekurang-kurangnya empat belas hari terlebih dahulu sebelum dikemukakan dalam Dewan Negeri, melainkan sangat mustahak disegerakan sebagaimana yang disahkan oleh Yang di-Pertua secara bertulis.

**Penyiaran Rang Undang-Undang**

**53.** (1) Mana-mana ahli yang bukan Kerajaan yang hendak membawa Rang Undang-Undang, boleh memohon izin Dewan Negeri untuk berbuat demikian, serta menyatakan tujuan dan ciri penting dalam Rang Undang-Undang itu.

**Rang Undang-Undang daripada ahli yang bukan Kerajaan**

(2) Setiap permohonan sedemikian hendaklah dengan cara dikeluarkan usul, dan ahli yang mengeluarkan permohonan itu hendaklah juga menyampaikan kepada Setiausaha satu salinan usulnya yang mengandungi nama Rang Undang-Undang yang dicadangkannya itu.

(3) Apabila diperkenankan permohonan itu setelah dikemukakan kepada mesyuarat dan dipersetujui usul itu, Rang Undang-Undang itu akan disifatkan telah dibacakan kali pertama dan diperintahkan dicetak, dan satu salinan Rang Undang-Undang itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha.

(4) Dengan tertakluk kepada Perintah Tetap 55, Rang Undang-Undang itu hendaklah dicetak dan diedarkan kepada ahli dan dengan tidak

dibahasakan, terserahlah Rang Undang-Undang ini kepada Menteri Besar, dan tidak boleh dijalankan sebarang prosiding selanjutnya ke atas Rang Undang-Undang itu sehingga Dewan Negeri menerima penyata daripada Menteri Besar.

(5) Setelah penyata yang disebutkan dalam perenggan yang terdahulu Perintah Tetap ini telah dibuat maka, Rang Undang-Undang itu hendaklah ditetapkan untuk dibaca bagi kali kedua pada hari yang dikehendaki oleh ahli yang membawa Rang Undang-Undang itu.

54. (1) Apabila mana-mana ahli yang bercadang hendak membawa sesuatu Rang Undang-Undang yang bertujuan memberi kesan atau yang mendatangkan manfaat kepada seseorang, sesuatu pertubuhan, atau sesuatu perbadanan (dalam Perintah-Perintah Tetap ini dikenali sebagai “Rang Undang-Undang Persendirian”), pemberitahuan berkenaan Rang Undang-Undang itu hendaklah disiarkan melalui satu pernyataan tentang sifat dan matlamat Rang Undang-Undang itu secara umum dalam *Warta Kerajaan Negeri*, dan sekurang-kurangnya dalam sebuah akhbar yang diedarkan dalam Persekutuan, sekurang-kurangnya sebulan dari tarikh sebelum usul meminta izin Rang Undang-Undang dikemukakan. Apabila keizinan diperoleh, Rang Undang-Undang itu disifatkan telah dibaca untuk kali pertama dan diperintahkan untuk dicetak. Satu salinan Rang Undang-Undang itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha dan tertakluk pada Perintah Tetap 55, Rang Undang-Undang itu kemudiannya akan dicetak dan diedarkan kepada ahli.

**Rang Undang-Undang Persendirian dan Rang Undang-Undang Campuran**

(2) Setiap Rang Undang-Undang Persendirian hendaklah mengandungi suatu bahagian yang

memelihara hak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, hak semua badan siasah dan perbadanan dan hak lain, kecuali yang tersebut dalam Rang Undang-Undang itu dan badan yang menuntut hak menerusi, daripada, atau di bawahnya.

- (3) Setiap Rang Undang-Undang Persendirian, dan sebarang Rang Undang-Undang lain yang difikirkan oleh Yang di-Pertua ada menyentuh hak atau kepentingan seseorang (dirujuk dalam Perintah-Perintah Tetap ini sebagai “Rang Undang-undang Campuran”), hendaklah setelah dibaca bagi kali kedua, diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan dan mana-mana pihak berkenaan yang terlebih dahulu menghantar petisyen kepada Dewan Negeri menurut peruntukan Perintah Tetap 22, boleh memberi keterangan kepada Jawatankuasa Pilihan itu, sama ada dengan sendiri atau dengan diwakili oleh penasihatnya.
- (4) Seseorang ahli tidak dibenarkan menjadi Ahli Jawatankuasa Pilihan tersebut sehingga dia telah memberi akuan dan menandatangani surat akuan itu menyatakan —
  - (a) dia tidak ada kepentingan kewangan bagi dirinya berkenaan dengan Rang Undang-Undang itu; dan
  - (b) dia tidak akan mengundi atas sebarang persoalan yang harus timbul dan keterangan berkenaan dengannya boleh diberikan,



sebelum mendengar dan menimbangkan keterangan berkenaan dengan persoalan itu.

- (5) Setiap Jawatankuasa Pilihan yang akan menimbangkan Rang Undang-Undang Persendirian atau Rang Undang-Undang Campuran hendaklah mendapatkan bukti terhadap fakta dan hujahan lain yang disebutkan dalam Rang Undang-Undang itu bahawa ia bermanfaat untuk diluluskan, dan Jawatankuasa itu bolehlah menerima sebarang keterangan lisan atau keterangan lain yang difikirkannya perlu dan kemudian daripada itu jika didapati fakta dan hujah itu tidak dapat dibuktikan, Jawatankuasa itu hendaklah memaklumkan pendapatnya kepada Dewan Negeri.
  - (6) Jika Jawatankuasa ini mendapati fakta dan hujah itu terbukti kebenarannya maka, Jawatankuasa tersebut hendaklah meneruskan urusannya seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Tetap 62, dan berkenaan semua pindaan yang dibuat olehnya dan hendaklah menerangkan tujuannya dalam satu penyata khas kepada Dewan Negeri.
  - (7) Berkenaan Rang Undang-Undang Persendirian, Jawatankuasa itu tidak boleh membenarkan dimasukkan sebarang fasal baharu yang terkeluar daripada terma pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan Negeri*.
  - (8) Ahli yang membawa Rang Undang-Undang itu hendaklah bertanggungjawab bagi membayar semua perbelanjaan bagi mengemukakan Rang Undang-Undang itu.
55. (1) Sebelum sesuatu Rang Undang-Undang dicetak, Setiausaha hendaklah berpuas hati, bahawa —

**Bentuk Rang  
Undang-Undang**

- (a) Rang Undang-Undang itu ada terbahagi kepada fasal yang diberi nombor berturutan,
  - (b) Pada nota bahu setiap fasal itu menyatakan secara ringkas isi fasal itu,
  - (c) Rang Undang-Undang itu tidak mengandungi perkara yang tidak berkaitan dengan apa-apa yang dimaksudkan oleh nama Rang Undang-Undang itu; dan
  - (d) Rang Undang-Undang itu menepati peruntukan Perintah-Perintah Tetap ini.
- (2) Jika Setiausaha tidak berpuas hati iaitu peruntukan perenggan (1) ditepati dalam sebarang perkara maka, ia hendaklah melaporkan kepada Yang di-Pertua, dan jika Yang di-Pertua juga berpendapat sedemikian, maka dia hendaklah memerintahkan Setiausaha memberitahu ahli yang membawa Rang Undang-Undang itu mengatakan Rang Undang-Undang itu tidak boleh dicetak sehingga peruntukan tersebut telah ditepati.
- (3) Salinan Rang Undang-Undang yang telah dicetak hendaklah diedarkan dengan seberapa segeranya oleh Setiausaha kepada setiap ahli besertakan satu kenyataan ringkas berkenaan dengan Rang Undang-Undang itu. Sekiranya Rang Undang-Undang itu melibatkan perbelanjaan wang negeri maka, hendaklah disebutkan hal itu dan jumlah anggaran perbelanjaan dalam kenyataan atau diterangkan tidak dapat dianggarkan jumlah perbelanjaan itu.

**56.** Dalam sebarang keadaan yang melibatkan hak atau kepentingan perseorangan yang disentuh secara khusus oleh sesuatu Rang Undang-Undang maka, petisyen

**Pihak yang terlibat**

semua pihak yang terlibat, boleh didengar oleh mana-mana Jawatankuasa yang menimbangkan Rang Undang-Undang itu dan mereka boleh hadir sendiri atau diwakili oleh penasihatnya.

- 57.** (1) Jika hendak dibincangkan Rang Undang-Undang itu dalam persidangan atau mesyuarat yang sama maka, pemberitahuan untuk bacaan kali kedua mestilah dikemukakan sebaik sahaja selepas bacaan kali pertama. **Bacaan kali kedua**
- (2) Rang Undang-Undang tidak boleh dibacakan kali kedua sehingga telah diedar kepada ahli.
- (3) Apabila sampai kepada perkara membacakan Rang Undang-Undang bagi kali kedua dalam Aturan Urusan Mesyuarat maka, suatu usul “*Bahawa Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali kedua sekarang*”, akan dikeluarkan dan boleh diadakan perbahasan meliputi prinsip dan baik buruk Rang Undang-Undang itu pada amnya.
- (4) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang itu dibaca bagi kali kedua maka, boleh dicadangkan pindaan kepada persoalan, “*Bahawa Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali kedua sekarang*” itu dengan meninggalkan semua perkataan selepas perkataan “*Bahawa*” kerana hendak ditambah perkataan bagi menyatakan tujuan dan sebab dibangkang Rang Undang-Undang itu, tetapi perkataan yang hendak ditambah itu mestilah berkaitan dengan asas Rang Undang-Undang itu dan tidak tentang perinciannya. Jika Dewan Negeri bersetuju dengan pindaan itu maka, bacaan kali kedua Rang Undang-Undang itu akan disifatkan tidak dipersetujui.

**58.** (1) Rang Undang-Undang boleh diserahkan kepada sesebuah Jawatankuasa Pilihan sebelum bacaan kali kedua.

**Menyerahkan Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa**

(2) Setelah dibacakan Rang Undang-Undang bagi kali kedua maka, Rang Undang-Undang itu akan diserahkan kepada Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri, melainkan Dewan Negeri mengeluarkan usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pilihan. Usul ini tidak berkehendak pemberitahuan tetapi mestilah dibuat sebaik sahaja dibacakan Rang Undang-Undang itu bagi kali kedua, dan boleh dicadangkan oleh mana-mana ahli. Persoalan atas usul ini hendaklah dikemukakan serta-merta kepada mesyuarat dan hendaklah diputuskan tanpa sebarang pindaan atau perbahasan.

**59.** (1) Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-Undang sebelum bacaan kali kedua, boleh membincangkan perincian Rang Undang-Undang tersebut meliputi prinsip dan baik buruknya.

**Tugas Jawatankuasa yang menimbangkan Rang Undang-Undang**

(2) Sesebuah Jawatankuasa yang telah diserahkan kepadanya satu Rang Undang-Undang selepas bacaan bagi kali kedua tidak boleh membahaskan dasar Rang Undang-Undang tersebut tetapi hanya perincian sahaja.

(3) Tertakluk kepada perenggan (1), Jawatankuasa sedemikian hendaklah berkuasa membuat sebarang pindaan kepada Rang Undang-Undang itu yang difikirkannya patut, dengan syarat pindaan itu (termasuk fasal baharu dan jadual baharu) adalah berkaitan dengan perkara isi Rang Undang-Undang itu; tetapi jika sebarang pindaan itu tidak selaras dengan nama Rang Undang-Undang itu, Jawatankuasa itu hendaklah meminda

nama Rang Undang-Undang itu sewajarnya dan hendaklah memaklumkan hal itu kepada Dewan Negeri.

**60.** Jika sebelum tamat perbincangan atas sesuatu Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri, seseorang ahli yang membawa usul hendaklah memaklumkan kepada Dewan Negeri perkembangan urusan yang telah dijalankan dan usul demikian dipersetujui, atau jika prosiding dalam Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri belum tamat lagi maka, Pengerusi hendaklah memaklumkan kepada Dewan Negeri perkembangan urusan yang telah dijalankan serta meminta izin Dewan Negeri untuk bersidang semula, dan ahli yang membawa Rang Undang-Undang itu hendaklah menetapkan hari bagi disambung semula prosiding itu.

**Jawatankuasa Seisi  
Dewan Negeri**

**61.** (1) Setiausaha hendaklah menyebutkan nombor setiap fasal atau beberapa fasal berturutan. Jika tidak ada pindaan dicadangkan kepada sesuatu fasal, atau setelah selesai segala pindaan yang dicadangkan maka, Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat persoalan "*Bahawa fasal ini* [seperti yang telah dipinda] *menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini*" dan, apabila semua ahli yang hendak bercakap, telah bercakap dalam perkara itu maka, Pengerusi hendaklah mengemukakan persoalan itu kepada Jawatankuasa bagi diputuskan.

**Tatacara dalam  
Jawatankuasa Seisi  
Dewan yang  
menimbangkan Rang  
Undang-Undang**

(2) Sebarang pindaan yang hendak dicadangkan hendaklah dikeluarkan sekurang-kurangnya satu hari pemberitahuan. Sebarang pindaan yang dicadangkan yang tidak dikeluarkan pemberitahuan hendaklah diserahkan kepada Pengerusi secara bertulis dan tidak boleh dicadangkan melainkan Pengerusi berpuas hati bahawa tidak suai manfaat dikeluarkan pemberitahuan.

- (3) Tidak boleh dicadangkan pindaan yang berlawanan maksudnya dengan sesuatu fasal yang telah dipersetujui atau dengan sebarang ketetapan yang telah diambil oleh Jawatankuasa itu, dan pada bila-bila masa dalam perbahasan atas sesuatu pindaan yang dicadangkan, Pengerusi boleh menarik balik semua pindaan itu daripada pertimbangan Jawatankuasa, jika pada pendapatnya perbincangan itu telah menunjukkan pindaan itu melanggar peruntukan perenggan ini.
- (4) Pengerusi boleh enggan mengemukakan sesuatu pindaan itu kepada mesyuarat jika pada pendapatnya pindaan itu—
  - (a) akan menjadikan fasal atau jadual yang hendak dipinda itu tidak jelas maksudnya atau penggunaan bahasa yang tidak tepat; atau
  - (b) sia-sia; atau
  - (c) merupakan suatu cadangan hendak meninggalkan semua isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan peruntukan lain.
- (5) Peruntukan-peruntukan perenggan 37(4), hendaklah terpakai dalam perbahasan atas pindaan kepada Rang Undang-Undang, dan di mana-mana yang sesuai, perkataan “usul” atau “persoalan” ditukarkan menjadi “fasal”; sebarang pindaan yang dicadangkan atas pindaan demikian itu hendaklah diselesaikan sebelum diambil keputusan atas pindaan asal itu.
- (6) Sesuatu fasal itu boleh ditangguhkan melainkan sebarang pindaan ke atasnya telah diputuskan. Fasal yang ditangguhkan itu hendaklah dipertimbangkan setelah semua fasal itu

dipertimbangkan dalam Rang Undang-Undang itu dan sebelum dibawa fasal baharu.

- (7) Sebarang fasal baharu yang dicadangkan hendaklah dipertimbangkan setelah selesai fasal dalam Rang Undang-Undang itu dan sebelum dipertimbangkan sebarang jadual Rang Undang-Undang itu dengan syarat bahawa sesuatu fasal baharu yang dicadangkan untuk menggantikan sesuatu fasal yang tidak dipersetujui itu boleh dipertimbangkan sebaik sahaja tidak dipersetujui fasal yang sedia ada itu.
- (8) Apabila dibacakan nama fasal baharu itu oleh Setiausaha, maka, fasal itu hendaklah disifatkan telah dibaca bagi kali pertama. Kemudian hendaklah dikemukakan kepada mesyuarat persoalan “*Bahawa fasal ini dibaca bagi kali kedua*”; jika dipersetujui persoalan ini maka, bolehlah dicadangkan pindaan ke atas fasal baharu itu. Persoalan akhir yang hendak dikemukakan ialah persoalan “*Bahawa fasal ini [seperti yang telah dipinda] dimasukkan dalam Rang Undang-Undang ini*”.
- (9) Jadual-jadual hendaklah diselesaikan sama seperti mempertimbangkan fasal-fasal dan sebarang jadual baharu yang dicadangkan hendaklah dipertimbangkan setelah selesai jadual Rang Undang-Undang itu, dan cara menimbang jadual baharu itu hendaklah sama seperti menimbang sesuatu fasal baharu.
- (10) Setelah selesai dipertimbangkan setiap fasal atau jadual dan setiap fasal baharu atau jadual baharu maka, hendaklah dipertimbangkan pula mukadimah Rang Undang-Undang itu, jika ada, dan diminta keputusan mesyuarat atas masalah “*Bahawa mukadimah ini [seperti yang telah*

dipinda] *menjadi mukadimah Rang Undang-Undang itu*". Sebarang pindaan atas mukadimah itu, tidak boleh dipertimbangkan jika tidak perlu diadakan oleh sebab pindaan yang terdahulu ke atas Rang Undang-Undang itu.

(11) Jika perlu dipinda nama Rang Undang-Undang itu maka, hendaklah dibuat pindaan itu setelah selesai prosiding yang dinyatakan di atas, tetapi persoalan bahawa nama Rang Undang-Undang itu [seperti yang telah dipinda] menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang itu tidak boleh dikemukakan bagi diputuskan; dan kuasa mengundang-undangan Rang Undang-Undang itu tidak boleh juga dikemuka bagi diputuskan.

(12) Apabila tamat prosiding atas Rang Undang-Undang itu dalam Jawatankuasa maka, hendaklah ahli yang membawa Rang Undang-Undang itu mencadangkan "*Bahawa Rang Undang-Undang ini [seperti yang telah dipinda] dimaklumkan kepada Dewan Negeri*" dan persoalan berkenaan dengannya hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

(13) Sebaik sahaja Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri itu bersetuju supaya Rang Undang-Undang itu dimaklumkan kepada Dewan Negeri, dan ahli yang membawa Rang Undang-Undang itu akan memaklumkan kepada Dewan Negeri dan Dewan Negeri boleh meneruskan bacaan kali ketiga Rang Undang-Undang .

**62.(1)** Jawatankuasa Pilihan yang mempertimbangkan Rang Undang-Undang akan tertakluk pada semua peruntukan dalam Perintah Tetap 80 dan 81, tetapi sebelum memaklumkan Rang Undang-

**Tatacara dalam Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang Undang-Undang**



Undang itu kepada Dewan Negeri, Jawatankuasa itu hendaklah mempertimbangkan Rang Undang-Undang itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (1) hingga (4), Perintah Tetap 61.

- (2) Apabila suatu Rang Undang-Undang itu telah dipinda dalam sebuah Jawatankuasa Pilihan maka, semua teks Rang Undang-Undang itu sepertimana yang dipinda, jika boleh hendaklah dicetak menjadi sebahagian daripada penyata Jawatankuasa Pilihan itu; tetapi jika tidak dapat dibuat demikian, teks untuk fasal atau jadual yang telah dipinda dan setiap fasal baharu atau jadual baharu yang telah ditambah itu hendaklah dicetak.

- 63.** (1) Jika seseorang ahli berhasrat untuk memotong atau meminda sebarang peruntukan yang terkandung dalam suatu Rang Undang-Undang sebagaimana yang dilaporkan daripada Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri atau hendak mengemukakan sebarang peruntukan baharu maka, ahli itu boleh melakukannya sebelum mana-mana ahli yang lain bangun bagi mencadangkan supaya Rang Undang-Undang itu dibaca untuk kali ketiga, mengusulkan supaya Rang Undang-Undang itu diserahkan sekali lagi kepada Jawatankuasa sama ada secara keseluruhan ataupun berkenaan dengan bahagian tertentu sahaja atau berkenaan dengan jadual baharu atau fasal baharu yang dicadangkan; usul sedemikian itu tidak memerlukan pemberitahuan, dan jika usul tersebut diterima maka, Rang Undang-Undang itu akan diserahkan semula kepada Jawatankuasa. Dewan Negeri hendaklah bersidang sebagai Jawatankuasa menurut peruntukan Perintah Tetap 58 bagi mempertimbangkan perkara yang telah diserahkan semula itu. Jika usul untuk

**Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-Undang yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri**

menyerahkan semula Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri dibangkang maka, Yang di-Pertua hendaklah membenarkan pernyataan ringkas yang menjelaskan alasan penyerahan semula daripada pencadang dan pembangkang usul itu dan setelah itu hendaklah dikemukakan persoalan itu untuk diputuskan dengan tidak boleh dibahas.

(2) Apabila keseluruhan Rang Undang-Undang itu diserahkan semula kepada Jawatankuasa maka, Jawatankuasa hendaklah mempertimbangkan Rang Undang-Undang itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Tetap 61.

(3) Apabila sebahagian atau bahagian yang tertentu sahaja dalam Rang Undang-Undang itu diserahkan semula kepada Jawatankuasa, ataupun berkenaan dengan fasal baharu atau jadual baharu maka, Jawatankuasa itu hendaklah mempertimbangkan perkara yang diserahkan semula itu sahaja dan juga sebarang pindaan yang dicadangkan.

(4) Setelah selesai tatacara dalam Jawatankuasa mempertimbangkan Rang Undang-Undang yang diserahkan balik di bawah peruntukan Perintah Tetap ini, ahli yang membawa Rang Undang-Undang itu hendaklah mencadangkan "*Bahawa Rang Undang-Undang ini [seperti yang telah dipinda setelah diserahkan balik] dimaklumkan kepada Dewan Negeri*" dan persoalan berkenaan dengan usul ini hendaklah diputuskan tanpa dipinda atau dibahas.

**64.** (1) Setelah sesuatu Rang Undang-Undang itu dimaklumkan oleh sesebuah Jawatankuasa Pilihan maka, Dewan Negeri hendaklah mempertimbangkan Rang Undang-Undang itu

**Prosiding atas Rang Undang-Undang yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan**

sebagaimana yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan setelah dikeluarkan usul “*Bahawa penyata Jawatankuasa Pilihan itu dipersetujui*”.

- (2) Jika usul itu dipersetujui tanpa pindaan maka, Dewan Negeri boleh meneruskan bacaan Rang Undang-Undang itu bagi kali ketiga seperti yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan itu.
- (3) Apabila telah dikeluarkan usul hendak meluluskan penyata sesebuah Jawatankuasa Pilihan berkenaan dengan sesuatu Rang Undang-Undang, mana-mana ahli boleh mencadangkan suatu pindaan hendak menambah pada hujung usul itu perkataan “*tertakluk pada penyerahan semula Rang Undang-Undang itu* [sama ada semua sekali atau pun sebahagian atau bahagian tertentu sahaja atau sebarang fasal baharu atau jadual baharu yang dicadangkan] *kepada sesebuah Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri*”, dan jika usul itu dipersetujui dengan pindaan tersebut maka, Rang Undang-Undang itu akan diserahkan sekali lagi kepada Jawatankuasa. Kemudian daripada itu, dengan dikeluarkan suatu usul menurut peruntukan Perintah Tetap 58 maka, Dewan Negeri boleh bersidang sebagai jawatankuasa untuk mempertimbangkan urusan yang telah diserahkan semula kepadanya itu.
- (4) Sesebuah Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri mempertimbangkan Rang Undang-Undang yang diserahkan semula di bawah peruntukan Perintah Tetap ini hendaklah meneruskannya menurut peruntukan perenggan (2) atau (3), Perintah Tetap 63, dan aturan menamatkan tatacara Jawatankuasa ini dan sebarang tatacara selanjutnya atas Rang Undang-Undang itu

hendaklah tertakluk kepada peruntukan perenggan 63(4).

- 65.** (1) Waktu dibacakan Rang Undang-Undang itu bagi kali ketiga, maka, bolehlah dicadangkan pindaan kepada persoalan “*Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga sekarang*”, sama seperti yang boleh dicadangkan pada masa hendak dibacakan Rang Undang-Undang itu bagi kali kedua; tetapi hendaklah dihadkan perbincangan itu kepada isi Rang Undang-Undang itu sahaja dan sebarang pindaan yang berasas yang menimbulkan perkara yang tidak termasuk dalam Rang Undang-Undang itu adalah menyalahi pada peraturan.
- (2) Dengan kebenaran Yang di-Pertua, pindaan kerana membetulkan kesilapan atau perkara yang tertinggal, boleh dibuat sebelum persoalan Rang Undang-Undang itu dibacakan bagi kali ketiga oleh Pengerusi bagi diputuskan, tetapi pindaan atas perkara material tidak boleh dicadangkan.
- 66.** Sama ada sebelum dimulakan urusan awam atau apabila sampai pada mana-mana peringkat Rang Undang-Undang itu, dalam Aturan Urusan Mesyuarat, ahli yang membawa Rang Undang-Undang boleh, tanpa pemberitahuan, membawa usul yang tidak boleh dipinda atau dibahaskan, bahawa Rang Undang-Undang itu ditarik balik atau peringkat berikut Rang Undang-Undang itu ditangguhkan.
- 67.** Setelah sesuatu Rang Undang-Undang itu dipersetujui dibaca bagi kali kedua atau tidak dipersetujui maka, persoalan hendak dibacakan bagi kali kedua atas sebarang Rang Undang-Undang lain yang mengandungi peruntukan yang hampir sama maksudnya, tidak boleh dicadangkan dalam tahun yang sama.

**Bacaan kali ketiga**

**Menarik balik dan menangguh Rang Undang-Undang**

**Rang Undang-Undang yang mengandungi peruntukan yang hampir sama maksudnya**

**68.** Sesuatu Rang Undang-Undang yang belum dipersetujui oleh Dewan Negeri sebelum diprorog atau dibubarkan Dewan Negeri selepas dikemukakan Rang Undang-Undang itu, tidak boleh dipertimbangkan lagi tetapi Rang Undang-Undang yang sama tersebut boleh dibawa dalam tahun Dewan Negeri yang akan datang.

**Rang Undang-Undang akan tergugur**

**69.** Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam Perintah-Perintah Tetap ini, apabila Yang di-Pertua berpuas hati bahawa Rang Undang-Undang tidak dapat dicetak atas alasan yang munasabah maka, Yang di-Pertua boleh mengesahkan sedemikian dan Rang Undang-Undang itu boleh dipertimbangkan walaupun tidak bercetak dengan syarat bahawa ada salinan lembut yang boleh diberikan bagi kegunaan ahli. Rang Undang-Undang itu boleh dipertimbangkan pada semua peringkat dalam bentuk itu.

**Melonggarkan peruntukan berkehendakkan Rang Undang-Undang itu dicetak**

**70.** Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi tahun berikutnya hendaklah dibentangkan di Meja Dewan Negeri sebelum dibawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tahunan ke dalam Dewan Negeri.

**Anggaran perbelanjaan tahunan**

**71.** (1) Hendaklah dibawa ke dalam Dewan Negeri suatu Rang Undang-Undang Perbekalan yang mengandungi anggaran belanja bagi semua kepala perbelanjaan yang dikehendaki dimasukkan dalam Rang Undang-Undang Perbekalan menurut Fasal LV Bahagian Pertama Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, bagi tahun berkenaan. Perincian perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan yang tersebut dalam Perintah Tetap 70.

**Tatacara membahas Rang Undang-Undang Perbekalan dan mempertimbangkan Anggaran Pembangunan Tahunan**

(2) Sebaik sahaja usul hendak dibacakan Rang Undang-Undang Perbekalan itu bagi kali kedua dicadangkan dan disokong, tetapi sebelum perbahasan atasnya ditangguhkan selama tidak

kurang daripada satu jam, satu usul bagi dirujuk kepada sesebuah Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri ketetapan tentang Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] boleh dikemukakan tanpa pemberitahuan.

- (3) Apabila usul hendak dirujuk kepada Jawatankuasa seperti yang disebutkan dalam perenggan (2) telah dicadangkan dan disokong, perbincangan usul bagi bacaan kali kedua Rang Undang-Undang itu dan Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada satu jam, dan apabila disambung semula perbincangan hendaklah dihadkan kepada prinsip am dan pentadbiran Kerajaan berhubung dengan Rang Undang-Undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran Biasa dan Pembangunan. Maka, hendaklah tempoh masa diperuntukkan bagi jawapan Menteri Besar, bagi sambungan perbincangan atas bacaan kali kedua Rang Undang-Undang itu dan usul berhubung dengan Anggaran Pembangunan. Pada masa yang ditentukan pada hari penghabisan yang diperuntukkan bagi perbincangan itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua maka, Yang di-Pertua hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat sebarang persoalan yang dikehendaki bagi menamatkan tatacara yang berkaitan dengannya.
- (4) Setelah dibacakan Rang Undang-Undang Perbekalan kali kedua dan usul tentang Anggaran Pembangunan dipersetujui, Rang Undang-Undang dan ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri.

- (5) Hendaklah diperuntukkan tidak lebih daripada tiga hari bagi membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran Biasa dan Pembangunan dalam Jawatankuasa.
- (6) (a) Yang di-Pertua boleh memperuntukkan masa bagi setiap jadual dan fasal dalam Rang Undang-Undang itu dan bagi sebarang kepala dalam Anggaran Pembangunan. Jika telah habis masa yang diperuntukkan bagi sebarang jadual, fasal atau kepala sebelum tamat perbincangan atas jadual, fasal atau kepala itu maka, Pengerusi akan mengemukakan dengan serta-merta sebarang persoalan yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas jadual, fasal atau kepala itu:

Dengan syarat bahawa Yang di-Pertua atau Pengerusi, pada budi bicaranya, boleh memanjangkan masa yang diperuntukkan bagi sesuatu jadual atau fasal atau kepala, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa itu hendaklah tidak dilebihkan daripada empat hari dan hendaklah tidak dikurangkan masa yang diperuntukkan bagi jadual atau fasal atau kepala yang kemudian.

- (b) Jika tiada masa diperuntukkan oleh Yang di-Pertua bagi semua atau sebarang jadual atau fasal atau kepala itu maka, Pengerusi boleh memperuntukkan masa yang secukupnya.
- (7) Jadual dalam Rang Undang-Undang itu hendaklah diselesaikan dahulu sebelum fasal.
- (8) Semasa mempertimbangkan sesuatu jadual, Pengerusi hendaklah membacakan tajuk setiap kepala perbelanjaan itu mengikut giliran, dan melainkan ada cadangan pindaan dalam Kertas

Pemberitahuan, hendaklah dikemukakan kepada mesyuarat persoalan “*Bahawa wang sejumlah RM ... untuk kepala ... menjadi sebahagian daripada jadual*”.

- (9) Mana-mana ahli boleh mengemukakan usul hendak meminda jadual itu dengan mengurangkan sebanyak RM ... daripada perbelanjaan yang diperuntukkan bagi sebarang subkepala atau butiran di bawah kepala itu, tetapi hendaklah dikeluarkan pemberitahuan sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu.
- (10) Jika ada banyak cadangan hendak mengurangkan peruntukan daripada satu pecahan atau butiran maka, hendaklah dimulakan dengan cadangan pindaan perbelanjaan yang paling sedikit dan pindaan hendak meninggalkan subkepala atau butiran itu boleh dicadangkan hanya apabila semua usul hendak mengurangkan peruntukan itu telah selesai diputuskan.
- (11) Setelah semua pindaan yang ada dalam Kertas Pemberitahuan berkenaan dengan sebarang kepala perbelanjaan selesai diputuskan, maka, Pengerusi hendaklah mengemukakan persoalan “*Bahawa wang sejumlah RM ... untuk kepala ... menjadi sebahagian daripada jadual*”.
- (12) Perbahasan berkenaan dengan persoalan “*Bahawa wang sejumlah RM ... untuk kepala ... menjadi sebahagian daripada jadual*” hendaklah dihadkan kepada dasar perkhidmatan yang hendak diperuntukkan wang itu dan tidak boleh tentang perincian perbelanjaan, tetapi boleh menyebutkan perincian hasil atau kumpulan wang yang dalam tanggungjawab perkhidmatan itu.



- (13) Apabila mempertimbangkan dalam Jawatankuasa sesuatu usul yang disebutkan dalam perenggan (2) berkaitan dengan Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan, Pengerusi hendaklah menyebutkan tajuk setiap kepala perbelanjaan dari satu kepala kepada satu kepala dan hendaklah mencadangkan persoalan atas usul itu, *“Bahawa perbelanjaan yang disebutkan dalam kepala ... dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan hendaklah diluluskan”*.
- (14) Apabila persoalan yang disebutkan dalam perenggan (13) telah dicadangkan, Menteri Besar atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bertanggungjawab kepada kepala berkenaan boleh bercakap menyokong kepala perbelanjaan itu dan selepas itu—
- (a) jika telah dikeluarkan pemberitahuan pindaan atas kepala itu atau mana-mana bahagian kepala itu atau butiran kepala itu maka, pindaan itu hendaklah diputuskan menurut perenggan (15) dan (16); atau
- (b) jika tidak dikeluarkan pemberitahuan pindaan atau apabila semua pindaan telah diputuskan maka, bolehlah dibahaskan usul yang disebutkan dalam perenggan (13) atau sebagaimana usul yang telah dipinda, seperti yang dikehendaki, perbahasan atas usul itu hendaklah terhad kepada perkhidmatan yang berkaitan sahaja.
- (15) Pindaan yang dikehendaki pemberitahuan sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu, bolehlah dicadangkan atas usul yang disebutkan dalam perenggan (13) bagi meninggalkan sebarang bahagian kepala perkhidmatan atau butir perbelanjaan atau bagi menambah di

hujung usul itu “*dengan syarat dikurangkan sebanyak RM ...*” dengan menentukan bahagian kepala perbelanjaan dan butiran perbelanjaan jika ada yang hendak dikurangkan belanjanya itu.

- (16) Apabila beberapa pindaan dicadangkan untuk mengurangkan peruntukan dalam sesuatu kepala perbelanjaan yang sama, subkepala perbelanjaan atau butiran perbelanjaan, maka, hendaklah bermula dengan cadangan pindaan berkenaan belanja yang paling sedikit hendak dikurangkan dan pindaan hendak meninggalkan subkepala atau butiran perbelanjaan boleh dicadangkan hanya apabila usul untuk mengurangkan peruntukan itu telah diputuskan.
- (17) Apabila semua persoalan atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Anggaran Biasa dan Pembangunan telah diputuskan dan Rang Undang-Undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi dengan tidak membenarkan pindaan atau perbahasan hendaklah mengemukakan bagi diputuskan kepada Jawatankuasa itu persoalan tentang ketetapan atas Anggaran Pembangunan bagi tahun berkenaan, atau jika perbelanjaan yang dicadangkan itu telah dikurangkan, Pengerusi hendaklah mengemukakan bagi diputuskan persoalan pengurangan perbelanjaan itu kepada Jawatankuasa untuk diputuskan.

Apabila usul itu telah dipersetujui, usul itu hendaklah dimaklumkan kepada Dewan Negeri dengan serta-merta berikutan dengan laporan kepada Dewan Negeri bahawa Rang Undang-Undang itu telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

(18) Apabila Rang Undang-Undang itu telah dimaklumkan kepada Dewan Negeri, satu usul bagi bacaan kali ketiga akan dikemukakan oleh Menteri Besar atau mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Usul yang demikian akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(19) Setelah Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali ketiga maka, Menteri Besar atau mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah dengan serta-merta mengemukakan ketetapan yang tersebut dalam perenggan (2) yang dipinda jika dikehendaki, untuk memberi kesan kepada pengurangan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa. Usul itu boleh dikemukakan tanpa pemberitahuan, dan persoalan tentangnya akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

**72.** (1) Setiap Rang Undang-Undang Perbekalan yang dibawa kerana memenuhi perbelanjaan tambahan dan perbelanjaan lebih daripada yang telah dibenarkan sebagaimana yang tersebut dalam Fasal LVI, Bahagian Pertama, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, hendaklah disertakan dengan suatu anggaran perbelanjaan tambahan bagi setiap satu kepala yang hendak diminta kebenaran mengemukakan perbelanjaan, dengan dinyatakan —

**Tatacara membahas  
Rang Undang-Undang  
Perbekalan Tambahan  
dan  
mempertimbangkan  
Anggaran  
Pembangunan  
Tambahan**

(a) jumlah perbelanjaan yang dibenarkan di bawah kepala itu,

(b) perbelanjaan tambahan yang dikehendaki dalam sebarang subkepala,

(c) jumlah penjimatan daripada subkepala yang lain yang sama boleh digunakan bagi mengurangkan peruntukan tambahan untuk memenuhi perbelanjaan tambahan itu; dan

- (d) jumlah peruntukan tambahan yang diminta bagi kepala itu.
- (2) Setiap anggaran perbelanjaan tambahan hendaklah dibentangkan di atas Meja Dewan Negeri sebelum Mesyuarat di mana Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan itu hendak diperkenalkan .
  - (3) Setelah dicadangkan usul hendak dibacakan Rang Undang-Undang itu bagi kali kedua dan disokong, tetapi sebelum perbahasan tentangnya dijalankan, satu usul untuk mengambil ketetapan tentang Anggaran Pembangunan Tambahan menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*] hendaklah dicadangkan tanpa pemberitahuan oleh Menteri Besar atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk perkara yang hendak dirujuk kepada Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri.
  - (4) Suatu kenyataan berkenaan dengan perbelanjaan yang dicadangkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi sesuatu tahun kewangan menurut subseksyen 4(2) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*] hendaklah dibentangkan di Meja Dewan Negeri sebelum dibawa ke dalam Dewan Negeri suatu ketetapan menurut subseksyen 4(3) Akta itu.
  - (5) Apabila usul hendak merujuk Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa seperti yang tersebut dalam perenggan (3) telah dicadangkan dan disokong, perbahasan atas usul bagi bacaan kali kedua Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan hendaklah diteruskan dan dihadkan kepada prinsip am polisi Kerajaan dan pentadbiran seperti yang dinyatakan dalam

peruntukan tambahan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-Undang dan Anggaran Pembangunan Tambahan dan tentang prinsip am polisi Kerajaan yang berkaitan dengan tujuan yang Kumpulan Wang Pembangunan itu boleh diguna sebagaimana yang dinyatakan dalam penyata di bawah subseksyen 4(2) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]. Perbincangan bacaan kali kedua Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan usul untuk mengambil ketetapan hendak merujuk Anggaran Pembangunan Tambahan hendaklah tidak melebihi dua jam. Yang di-Pertua hendaklah mengemukakan bagi diputuskan sebarang persoalan yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang bersangkutan dengannya sejeurus selepas tamat perbincangan tersebut.

- (6) Setelah dibahas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan itu bagi kali kedua dan usul tentang Anggaran Pembangunan Tambahan dipersetujui, Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan ketetapan akan terserah kepada Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri.
- (7) (a) Hendaklah diperuntukkan tempoh maksimum dua jam bagi membincangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan serta Anggaran Pembangunan Tambahan. Yang di-Pertua boleh memperuntukkan masa maksimum untuk diberikan bagi mana-mana kepala dalam Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan. Jika telah habis masa yang diperuntukkan bagi sebarang kepala sebelum tamat perbincangan atas kepala itu maka, Pengerusi hendaklah mengemukakan dengan serta-merta sebarang

persoalan yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan atas kepala itu:

Dengan syarat Pengerusi boleh, pada budi bicaranya, memanjangkan masa yang diperuntukkan bagi sesuatu kepala, tetapi perbincangan dalam Jawatankuasa hendaklah tidak melebihi dua jam dan hendaklah tidak mengurangkan pula masa yang telah diperuntukkan terlebih dahulu bagi kepala yang kemudian.

- (b) Jika tiada masa diperuntukkan oleh Yang di-Pertua bagi semua atau sebarang kepala itu maka, Pengerusi bolehlah memperuntukkan masa paling maksimum yang dibenarkan.
- (8) (a) Tatacara yang ditetapkan dalam perenggan (7) hingga (12), Perintah Tetap 71 dengan perubahan yang perlu hendaklah dipakai dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan.
- (b) Tatacara yang ditetapkan dalam perenggan (13) hingga (16), Perintah Tetap 71 dengan perubahan yang perlu hendaklah dipakai dalam perbincangan tentang ketetapan berkaitan dengan Anggaran Pembangunan Tambahan.
- (9) Perbahasan atas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dalam Jawatankuasa hendaklah terhad kepada perincian yang terkandung dalam anggaran perbelanjaan yang diminta diperuntukkan perbelanjaan tambahan; perbahasan ini tidak boleh menyentuh polisi atau perbelanjaan yang telah dipersetujui dalam anggaran perbelanjaan asal yang dibenarkan, melainkan polisi atau perbelanjaan demikian itu

dibawa kepada pengetahuan Jawatankuasa itu melalui perincian yang terkandung dalam anggaran perbelanjaan tambahan itu.

- (10) Apabila semua persoalan atas semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan telah diputuskan dan Rang Undang-Undang telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi tanpa membenarkan pindaan atau perbahasan, hendaklah mengemukakan bagi diputuskan kepada Jawatankuasa persoalan tentang ketetapan atas Anggaran Pembangunan Tambahan atau jika sebarang pengurangan telah dibuat dalam perbelanjaan yang dicadangkan, hendaklah mengemukakan persoalan itu kepada Jawatankuasa tertakluk kepada pengurangan itu. Apabila usul itu telah dipersetujui, usul itu hendaklah dimaklumkan kepada Dewan Negeri selepas laporan kepada Dewan Negeri atas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan bacaan kali ketiga.
- (11) Apabila Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan telah dimaklumkan kepada Dewan Negeri, satu usul bagi bacaan kali ketiga hendaklah dicadangkan oleh Menteri Besar atau mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Usul yang demikian hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.
- (12) Apabila Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan telah dibacakan bagi kali ketiga, Menteri Besar atau mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dengan serta-merta akan memaklumkan kepada Dewan Negeri bahawa ketetapan yang dimaksudkan dalam perenggan (3) telah pun dipersetujui.

73. Untuk maksud prosiding yang berkaitan dengan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan atau Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Pembangunan Tambahan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan boleh mewakili dan berucap untuk pihak Menteri Besar.

**Ahli Majlis  
Mesyuarat Kerajaan  
boleh mewakili  
Menteri Besar**

#### **JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PILIHAN**

74. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri dilantik pada setiap penggal Dewan Negeri bagi memeriksa —

**Jawatankuasa Kira-  
Kira Wang Negeri**

- (a) Kira-Kira Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Dewan Negeri kerana memenuhi perbelanjaan negeri,
  - (b) sebarang Kira-Kira pihak berkuasa awam dan pertubuhan lain yang menguruskan wang negeri yang dibentangkan dalam Dewan Negeri,
  - (c) laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan dalam Dewan Negeri menurut Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan; dan
  - (d) sebarang perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau sebarang perkara yang dirujuk oleh Dewan Negeri kepada Jawatankuasa itu.
- (2) Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi, iaitu dalam kalangan ahli Pembangkang, seorang Timbalan Pengerusi dan



tidak lebih daripada lima ahli yang akan dilantik oleh Dewan Negeri dengan seberapa segera selepas dimulakan setiap penggal.

- (3) Seorang ahli Dewan Negeri tidak boleh dilantik memegang atau memangku jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri semasa menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.
  - (4) Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang untuk hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan surat atau rekod dan mengemukakan penyata kepada Dewan Negeri dari semasa ke semasa.
  - (5) Ketua Audit Negara atau wakilnya boleh dijemput menghadiri setiap perjumpaan Jawatankuasa itu dan hendaklah berhak untuk didengar dan, dengan izin Pengerusi, menyoal sesiapa yang dipanggil di hadapan Jawatankuasa itu.
- 75. (1)** Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap mengandungi Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, Timbalan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Pengerusi dan enam orang ahli lain yang akan dilantik oleh Dewan Negeri seberapa segera pada permulaan setiap penggal. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mempertimbangkan dari semasa ke semasa dan mengemukakan penyata kepada Dewan Negeri berkenaan dengan perkara berkaitan dengan Perintah-Perintah Tetap yang dirujuk oleh Dewan Negeri kepadanya bagi dipertimbangkan. Jawatankuasa ini tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikemukakan dokumen kecuali Dewan Negeri membuat ketetapan memberi kuasa sedemikian.

**Jawatankuasa  
Perintah-Perintah  
Tetap**

- (2) Jawatankuasa ini boleh dari semasa ke semasa mempertimbangkan sebarang perkara berkaitan dengan Perintah-Perintah Tetap dan jika difikirkan perlu melaporkannya kepada Dewan Negeri.
- (3) Jika pemberitahuan usul mengandungi cadangan hendak meminda Perintah-Perintah Tetap, maka, pemberitahuan itu hendaklah diserahkan dengan draf pindaan yang dicadangkan itu, dan usul itu apabila dicadangkan dan disokong, disifatkan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap tanpa dikemukakan persoalan kepada mesyuarat dan tidak boleh dibincangkan lagi usul ini sehingga Jawatankuasa Perintah-Perintah Tetap telah mengemukakan penyata kepada Dewan Negeri berkenaan dengan cadangan itu.

**76.** (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan yang mengandungi Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, Timbalan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Pengerusi dan enam orang ahli yang dilantik oleh Dewan Negeri dengan seberapa segera yang boleh selepas permulaan setiap penggal. Sebarang perkara yang menyentuh kuasa, hak dan kebebasan Dewan Negeri hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dirujuk kepadanya dan mengemukakan penyata di atas perkara itu kepada Dewan Negeri.

**Jawatankuasa Hak dan Kebebasan**

- (2) Apabila Dewan Negeri tidak bersidang, seseorang ahli boleh memberitahu Yang di-Pertua jika telah berlaku kesalahan melanggar peraturan hak dan kebebasan Dewan Negeri. Jika Yang di-Pertua,

berpuas hati bahawa secara *prima facie* telah berlaku kesalahan itu, boleh diserahkan perkara itu kepada Jawatankuasa ini dan Jawatankuasa ini hendaklah mengemukakan kepada Dewan Negeri.

- (3) Jawatankuasa ini berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya dan meminta dikeluarkan dokumen dan mengemukakan penyata kepada Dewan Negeri dari semasa ke semasa.

77. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Kebajikan Ahli yang dilantik pada awal setiap penggal persidangan untuk mempertimbangkan dan menasihatkan Yang di-Pertua atas segala perkara berkaitan keperluan dan kebajikan ahli.

**Jawatankuasa  
Kebajikan Ahli**

- (2) Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi Yang di-Pertua sebagai Pengerusi, Timbalan Yang di-Pertua sebagai Timbalan Pengerusi dan tidak lebih daripada lima ahli yang akan dilantik oleh Dewan Negeri dengan seberapa segera selepas dimulakan setiap penggal.

78. (1) Sebuah Jawatankuasa Pilihan yang lain daripada Jawatankuasa Penggalan akan dikenali dengan nama Jawatankuasa Pilihan Khas. Jawatankuasa ini hendaklah dilantik dengan perintah Dewan Negeri dan Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi ahli yang dilantik oleh Dewan Negeri.

**Jawatankuasa  
Pilihan Khas**

- (2) Tertakluk kepada perintah Dewan Negeri, sesebuah Jawatankuasa Pilihan Khas berkuasa memilih Pengerusinya sendiri. Jika ahli yang dipilih menjadi Pengerusi itu tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat, Jawatankuasa itu

hendaklah memilih seorang daripada ahlinya untuk mempengerusikan mesyuarat.

**79.** (1) Setiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah ditubuhkan seberapa segera bagi menggambarkan komposisi parti-parti dalam Dewan Negeri.

**Menubuhkan  
Jawatankuasa  
Pilihan**

(2) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa itu meninggal dunia, atau tidak hadir oleh sebab yang tidak dapat dielakkan atau jika jawatannya sebagai ahli itu telah menjadi kosong kerana sebarang sebab yang lain maka, Dewan Negeri hendaklah secepat mungkin memilih seorang ahli lain sebagai gantinya atau jika Dewan Negeri telah ditangguhkan, pelantikan hendaklah dibuat pada perjumpaan yang akan datang dan lantikan ini hendaklah menurut syarat dalam perenggan (1).

**80.** (1) Perintah-Perintah Tetap ini hendaklah terpakai kepada semua Jawatankuasa Pilihan, kecuali yang diperuntukkan selainnya dalam Perintah Tetap 74 hingga 77 (berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan Penggalan).

**Tatacara  
Jawatankuasa  
Pilihan**

(2) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan berkuasa memanggil orang hadir atau meminta dokumen dan boleh mengemukakan penyata yang mengandungi pendapat dan pemerhatian serta perincian keterangan yang telah diberi dihadapannya kepada Dewan Negeri.

(3) Kuorum sesebuah Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli melainkan Dewan Negeri memerintahkan selainnya.

(4) Perbincangan sesebuah Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah dihadkan kepada perkara yang dirujuk oleh Dewan Negeri kepadanya dan juga kepada

sebarang perkara yang dirujuk dengan itu seperti yang ditambah atau dihadkan oleh Dewan Negeri. Jika yang berkenaan itu ialah Jawatankuasa yang mempertimbangkan sesuatu Rang Undang-Undang, perbincangan Jawatankuasa hendaklah dihadkan kepada Rang Undang-Undang itu dan pindaan yang berkaitan.

- (5) Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pilihan hendaklah diadakan pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi, jika melibatkan Jawatankuasa Pilihan Penggalan atau oleh Yang di-Pertua jika melibatkan Jawatankuasa Pilihan Khas. Mesyuarat seterusnya hendaklah diadakan pada masa dan tempat sebagaimana ditetapkan oleh Jawatankuasa itu —

Dengan syarat jika Jawatankuasa itu tidak menetapkan masa dan tempatnya maka, Pengerusi hendaklah menetapkannya setelah berunding dengan Setiausaha.

- (6) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan tidak boleh mengadakan mesyuarat pada masa Dewan Negeri bersidang kecuali dengan izin Dewan Negeri.
- (7) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan boleh meneruskan penyiasatannya walaupun Dewan Negeri telah ditangguhkan.
- (8) Setiausaha hendaklah menjadi Setiausaha kepada setiap Jawatankuasa Pilihan.
- (9) Apabila hendak menyoal saksi, maka, ahli yang menghendaki saksi itu hendaklah menghantar kepada Setiausaha suatu senarai mengandungi nama, alamat dan pekerjaan setiap saksi sekurang-kurangnya dua hari sebelum hari yang ditetapkan bagi menyoal saksi. Jika yang berkenaan itu ialah

Jawatankuasa yang mempertimbangkan sesuatu Rang Undang-Undang Persendirian atau Rang Undang-Undang Campuran maka, yang menghendaki saksi itu dipanggil hendaklah menghantar senarai tersebut. Setelah itu Setiausaha hendaklah memanggil saksi itu hadir. Dengan syarat bahawa, kecuali saksi yang dikehendaki disoal oleh sesebuah Jawatankuasa Pilihan yang mempertimbangkan Rang Undang-Undang dan dikehendaki oleh ahli yang membawa Rang Undang-Undang itu atau oleh seseorang yang menghantar petisyen, Setiausaha tidak boleh memanggil seseorang saksi melainkan sekiranya Pengerusi, bagi pihak Jawatankuasa itu, telah mengeluarkan perintah (yang hendak diberikan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya empat hari sebelum hari ditetapkan untuk menyoal saksi) bagi memanggil saksi itu.

- (10) Melainkan Pengerusi memberi arahan lain, maka, perincian keterangan setiap saksi hendaklah ditulis sebagaimana yang diucapkan olehnya dan keterangan itu hendaklah dihantar kepada saksi untuk disemak. Dalam tempoh tujuh hari daripada hari Setiausaha menghantar keterangan itu, saksi boleh mengesyorkan pembetulan yang salah ditulis dan keterangan ini hendaklah dicetak dengan sebarang pindaan yang diluluskan oleh Pengerusi.
- (11) Pengerusi, mengikut budi bicaranya, boleh enggan mendengar sebarang keterangan yang tidak berkaitan atau saksi yang degil.
- (12) (a) Seseorang Ahli Jawatankuasa Pilihan boleh membawa satu penyata bagi dipertimbangkan oleh Jawatankuasa itu dan semua penyata hendaklah ditulis dengan lengkap dalam minit mesyuarat Jawatankuasa itu. Apabila semua

penyata itu telah dibentangkan kepada Jawatankuasa itu, Pengerusi hendaklah mencadangkan penyata mengikut susunannya, dimulakan dengan penyata sendiri dan diteruskan dengan penyata lain mengikut susunan dan dibentangkan sehingga satu daripadanya telah diterima sebagai asas perbincangan. Persoalan yang akan dikemukakan oleh Pengerusi atas penyata itu ialah “*Bahawa Penyata Pengerusi (atau Tuan...) dibacakan bagi kali kedua dari satu perenggan ke satu perenggan*”. Apabila persoalan ini telah dipersetujui maka, persoalan tidak boleh dikemukakan lagi bagi mana-mana penyata lain, tetapi mana-mana bahagian daripada penyata lain itu boleh dicadangkan sebagai pindaan ke atas penyata yang sedang dibincangkan, jika berkaitan dengan penyata itu.

- (b) Selepas itu, Jawatankuasa ini hendaklah mempertimbangkan penyata itu dari satu perenggan ke satu perenggan, dan peruntukan dalam perenggan (1) hingga (8), Perintah Tetap 61 hendaklah dipakai seolah-olah penyata itu suatu Rang Undang-Undang dan perenggan penyata itu sebagai fasal dalam Rang Undang-Undang.
- (c) Apabila selesai dipertimbangkan penyata itu dari satu perenggan ke satu perenggan dan setelah semua perenggan baharu yang dicadangkan telah dipertimbangkan maka, persoalan penyata ini menjadi penyata Jawatankuasa kepada Dewan Negeri hendaklah dikemukakan oleh Pengerusi bagi diputuskan.

(13) Peruntukan perenggan 39(7) hendaklah dipakai bagi perbincangan sesuatu Jawatankuasa Pilihan.

**81.** (1) Setiap belah bahagian dalam Jawatankuasa Pilihan hendaklah dijalankan oleh Setiausaha itu dengan bertanya kepada setiap Ahli Jawatankuasa itu seorang demi seorang pilihan undiannya dan sebarang undi mereka hendaklah ditulis.

**Belah bahagian  
Jawatankuasa  
Pilihan**

(2) Semasa dijalankan belah bahagian itu, nama semua Ahli Jawatankuasa yang hadir hendaklah dipanggil mengikut susunan abjad.

(3) Apabila diminta diadakan belah bahagian dalam sesuatu Jawatankuasa Pilihan, setiap ahli yang hadir hendaklah menyatakan sama ada, Setuju atau Tidak, melainkan dia menyatakan enggan mengundi. Setiausaha hendaklah memasukkan undi setiap ahli dalam minit prosiding dan hendaklah mencatatkan nama ahli yang enggan mengundi. Undian ahli adalah mengikut suaranya.

(4) Sebaik sahaja selesai Setiausaha mengumpul undi maka, Pengerusi hendaklah mengumumkan bilangan ahli yang mengundi “Setuju” dan bilangan ahli yang mengundi “Tidak” dan selepas itu hendaklah beliau mengisytiharkan keputusan belah bahagian itu. Pengerusi tidak mempunyai hak mengundi, tetapi jika bilangan undi itu sama banyak maka, Pengerusi hendaklah mengeluarkan undi pemutus.

(5) Jika seseorang Ahli Jawatankuasa itu menyatakan beliau tersalah mengundi, atau undinya telah salah dihitung maka, dia boleh menuntut undinya ditukar, dengan syarat tuntutan hendaklah dibuat selepas sahaja Pengerusi mengumumkan bilangan



undi dan sebelum diisytiharkan keputusan belah bahagian itu.

- (6) Peruntukan perenggan 51(5) hendaklah dipakai kepada belah bahagian dalam Jawatankuasa Pilihan.

**82.** Keterangan yang diambil di hadapan sesebuah Jawatankuasa Pilihan dan sebarang dokumen yang dikemukakan kepadanya tidak boleh disiarkan oleh mana-mana Ahli Jawatankuasa itu, atau oleh sesiapa sahaja, sebelum Jawatankuasa itu membentangkan penyata itu kepada Dewan Negeri.

**Penyiaran  
keterangan sebelum  
masanya**

**83.** (1) Setiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah membuat suatu penyata kepada Dewan Negeri berkenaan dengan perkara yang dirujuk kepadanya sebelum tamat tahun Dewan Negeri. Sekiranya Jawatankuasa itu tidak dapat menamatkan siasatan sebelum tamat tahun Dewan Negeri maka, Jawatankuasa itu boleh memaklumkan hal itu kepada Dewan Negeri.

**Penyata-penyata  
daripada  
Jawatankuasa  
Pilihan**

- (2) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan dibenarkan membuat penyata khas berkenaan dengan kuasa, fungsi dan prosiding Jawatankuasa atas sebarang perkara yang difikirkannya patut dibawa kepada perhatian Dewan Negeri.

- (3) Sesuatu penyata atau penyata khas bersama dengan minit tatacara sesebuah Jawatankuasa Pilihan dan minit sebarang keterangan yang diambil di hadapan Jawatankuasa itu hendaklah dibawa ke Dewan Negeri oleh Pengerusi atau ahli yang mewakili Jawatankuasa itu dan hendaklah dibentang di Meja Dewan Negeri dan dicetak bagi diputuskan oleh mesyuarat tanpa persoalan.

- (4) Minit prosiding sesebuah Jawatankuasa hendaklah mencatatkan semua prosiding atas perbincangan menimbangkan berkenaan dengan penyata atau Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa itu, dan juga atas setiap pindaan yang dicadangkan ke atas penyata atau Rang Undang-Undang itu bersama dengan peringatan berkenaan dengan sebarang belah bahagian yang telah dijalankan dalam Jawatankuasa itu, dan nama ahli yang mengundi dan yang enggan mengundi dalam belah bahagian.
- (5) Mana-mana ahli boleh, selepas mengemukakan pemberitahuan sekurang-kurangnya dua hari terlebih dahulu, mencadangkan dalam Dewan Negeri supaya penyata Jawatankuasa Pilihan itu diterima.
- (6) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang itu telah dimaklumkan kepada Dewan Negeri daripada Jawatankuasa Pilihan maka, penyata Jawatankuasa itu hendaklah tertakluk pada peruntukan Perintah Tetap 64.

**84.** Menurut peruntukan Perkara LVII Bahagian Pertama, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, Rang Undang-Undang atau pindaan yang melibatkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan Negeri Perak tidak boleh dibawa atau diusulkan kecuali oleh seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**Rang Undang-Undang dan pindaan yang melibatkan perbelanjaan Wang Disatukan**

**85.** (1) Kecuali dengan persetujuan Yang di-Pertua, Dewan Negeri tidak boleh membincangkan sebarang Rang Undang-Undang, pindaan, usul, atau petisyen yang difikirkan oleh Yang di-Pertua akan menggantungkan kuat kuasa Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri atau mana-mana daripadanya.

**Penggantungan kuat kuasa Perintah-Perintah Tetap**

- (2) Sesuatu persoalan yang bertujuan untuk menggantung kuat kuasa mana-mana Perintah Tetap atau boleh menyebabkan tergantungnya kuat kuasa Perintah-Perintah Tetap, hanya boleh dicadangkan selepas dikeluarkan pemberitahuan atau dengan persetujuan Yang di-Pertua.

**86.** Walau apa pun Perkara XXXVA Bahagian Pertama, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan, ahli hendaklah memberitahu Setiausaha dengan segera jika dia tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Dewan Negeri.

**Ketidakhadiran ahli**

**87.** Ahli tidak dibenarkan hadir di dalam Dewan Negeri atau mana-mana Jawatankuasa Dewan Negeri, dalam sebarang kedudukan beliau menerima fi atau upah, atau sebagai Peguam Bela atau Peguam Cara bagi mana-mana pihak.

**Larangan ahli  
memberikan  
perkhidmatan dalam  
kapasiti profesional**

**88.** (1) Orang luar dibenarkan hadir menyaksikan mesyuarat dalam Dewan Negeri mengikut sebarang peraturan yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertua dari semasa ke semasa.

**Orang luar**

(2) Jika seseorang ahli memberitahu ada orang luar hadir maka, Pengerusi dengan serta-merta hendaklah mengemukakan persoalan "*Bahawa orang luar hendaklah keluar*" bagi diputuskan dengan tidak dibenarkan dibahas atau dipinda.

(3) Pengerusi boleh, sebagaimana yang difikirkan patut, memerintahkan orang luar keluar daripada semua bahagian atau daripada mana-mana bahagian Dewan Negeri.

(4) Setiausaha hendaklah mengeluarkan atau menyebab dikeluarkan orang luar yang masuk

tanpa mendapat kebenaran atau yang diberitahu kepadanya yang mengatakan ada dalam mana-mana bahagian Dewan Negeri atau tempat pemerhati dan juga mana-mana orang luar yang telah dibenarkan masuk tetapi berkelakuan tidak baik atau yang enggan keluar apabila diperintahkan keluar pada masa Dewan Negeri atau Jawatankuasa Seisi Dewan Negeri bersidang.

**89.** Yang di-Pertua boleh memberikan kebenaran am kepada wakil mana-mana media untuk menghadiri persidangan Dewan Negeri di bawah sebarang peraturan yang dikeluarkannya dari semasa ke semasa. Jika wakil media tersebut melanggar peraturan itu maka, kebenaran itu boleh dibatalkan.

**Wakil media**

**90.** Kaedah penggubalan ayat Rang Undang-Undang hendaklah seperti berikut: *“Diperbuat oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan”*.

**Ayat mengundang-undangkan Rang Undang-Undang**

**91.** (1) Setiap Rang Undang-Undang yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia hendaklah disiarkan dengan seberapa segera dalam *Warta Kerajaan Negeri*.

**Penyiaran Rang Undang-Undang dalam Warta Kerajaan**

(2) Pada bila-bila masa sebelum penyiaran tersebut, Setiausaha boleh membetulkan kesilapan bahasa dan kesilapan pencetakan dalam Enakmen itu, kesilapan maksud yang berulang, kesilapan rujuk silang, tanda berhenti atau nota ringkas dan dalam membetulkan kesilapan itu beliau boleh menambah, memotong mana-mana perkataan, atau mengganti dengan perkataan lain tanpa mengubah maksud asal.

**92.** Jumlah yang akan dibayar atau ditawarkan untuk perbelanjaan seseorang saksi yang dipanggil hadir atau mengemukakan sebarang dokumen, hendaklah mendapat jumlah bayaran yang sama seperti dia dibayar sekiranya

**Perbelanjaan saksi**

dia dipanggil menjadi saksi di Mahkamah mengikut kaedah yang pada waktu itu berkuat kuasa di bawah kanun berkenaan dengan tatacara jenayah:

Dengan syarat bahawa dalam menggunakan kaedah itu, sebarang rujukan di dalamnya kepada Hakim atau Pendaftar Mahkamah Tinggi, ia hendaklah dibaca sebagai rujukan kepada Yang di-Pertua atau Setiausaha, mengikut keperluan kes.

**93.** Dalam Perintah-Perintah Tetap ini, melainkan **Tafsiran** konteksnya menghendaki makna yang lain —

“ahli” ertinya seseorang yang telah mengangkat sumpah di bawah perenggan 1(f);

“belah bahagian” hendaklah difahamkan sebagai salah satu cara pengundian melalui kiraan kepala atau mengikut blok;

“Buku Mesyuarat” ertinya semua urusan yang ditetapkan bagi hari yang akan datang dan sebarang pemberitahuan berkenaan dengan soalan atau usul yang telah ditetapkan bagi hari akan datang sama ada ditentukan atau tidak harinya;

“Jawatankuasa Pilihan” hendaklah difahamkan termasuk Jawatankuasa Pilihan Khas atau Jawatankuasa Pilihan Penggalan, mengikut mana yang berkenaan;

“Kertas Mesyuarat” ertinya kertas yang mengandungi urusan mesyuarat serta dibentangkan setiap hari persidangan;

“Menteri Besar” hendaklah difahamkan termasuk seseorang yang diarahkan bagi menjalankan tugas

dan kuasa Menteri Besar semasa ketiadaan Menteri Besar;

“mesyuarat” ertinya ialah persidangan atau persidangan-persidangan Dewan Negeri bermula daripada permulaan Dewan Negeri bermesyuarat selepas dipanggil mesyuarat pada bila-bila masa, dan selesai apabila Dewan Negeri ditangguhkan selama lebih daripada empat belas hari atau *sine die* atau setelah tamat sesuatu tahun;

“pakaian “Hari Kalung”” ertinya Pakaian Nombor Satu (1) bagi ahli Dewan Negeri dan jubah rasmi bagi Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan Setiausaha;

“Pengerusi” hendaklah difahamkan termasuk Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua atau mana-mana ahli yang dilantik di bawah Perintah-Perintah Tetap ini;

“penggal” ertinya ialah persidangan-persidangan Dewan Negeri bermula daripada permulaan Dewan Negeri bermesyuarat selepas ditubuhkan atau selepas diberhentikan atau dibubarkan pada bila-bila masa, dan berakhir apabila Dewan Negeri diberhentikan atau dibubarkan dengan tidak diberhentikan terlebih dahulu;

“perbahasan” ertinya penghujahan tentang sesuatu perkara termasuk usul dan Rang Undang-Undang;

“persidangan” ertinya suatu tempoh dalam kiraan hari selama mana Dewan Negeri bersidang dengan tidak berhenti-henti, (termasuk masa ditempokkan mesyuarat) tanpa ditangguhkan dan termasuklah sebarang tempoh Dewan Negeri bersidang sebagai Jawatankuasa;

“petisyen” ertinya permohonan atau rayuan yang dikemukakan oleh sekumpulan orang awam kepada Kerajaan melalui ahli;

“Rang Undang-Undang” ertinya draf sesuatu undang-undang sama ada yang baharu atau pindaan yang dibawa untuk mendapat kelulusan Dewan Negeri;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Dewan Negeri dan termasuk Penolong Setiausaha Dewan Negeri;

“soalan” ertinya soalan lisan dan soalan bertulis yang dikemukakan oleh ahli kepada Setiausaha;

“sut urusan” hendaklah difahamkan sut berwarna gelap, kemeja berkolar, tali leher, stokin dan kasut berwarna gelap;

“undi dengan suara” ertinya memutuskan sesuatu persoalan dengan bersuara berdasarkan ketetapan Yang di-Pertua;

“urusan awam” ertinya urusan berkepentingan rakyat yang perlu diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan melalui usul yang dibawa oleh ahli; dan

“usul” ertinya sesuatu perkara yang dibawa oleh ahli untuk diputuskan di dalam Dewan Negeri.

**94.** Keputusan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang tafsiran dalam mana-mana Perintah-Perintah Tetap ini, atau berkenaan dengan sebarang amalan, tertakluk kepada usul yang dibawa dengan maksud itu adalah muktamad, dan Yang di-Pertua dari semasa ke semasa, boleh mengeluarkan keputusan berkenaan dengan perkara ini.

**Keputusan Yang di-Pertua**

**95.** Semua perkara yang tidak diperuntukkan dengan khusus dalam Perintah-Perintah Tetap ini dan semua

**Kuasa dalam perkara lain**

perkara berkenaan dengan menjalankan Perintah-Perintah Tetap ini secara terperinci hendaklah diaturkan menurut cara yang tidak berlawanan dengan Perintah-Perintah Tetap ini sebagaimana yang diperintahkan oleh Yang di-Pertua dari semasa ke semasa; dan semasa hendak mengeluarkan perintah demikian itu, Yang di-Pertua hendaklah mengambil perhatian amalan Parlimen Malaysia dan Parlimen Negara Komanwel setakat mana yang boleh dipakai kepada tatacara Dewan Negeri.

## **DEWAN PERHIMPUNAN UNDANGAN**

### **Tatacara menguruskan Anggaran Pembangunan**

Menteri Besar atau mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan apabila menepati waktunya, akan membawa usul yang berikut yang telah diberi notis terlebih dahulu. Tatkala berbuat demikian maka, ia akan memberi pandangan-pandangan am dan memberi sebab-sebab, mengenai cadangan bahawa Dewan Negeri hendaklah menukar diri menjadi Jawatankuasa seisi Dewan Negeri:

*“Bahawa Dewan Negeri ini mengambil ketetapan menukar diri menjadi Jawatankuasa seisi Dewan Negeri untuk menimbangkan Penyata yang dibentangkan di Meja Dewan Negeri sebagai Kertas Bil... bagi 20... dan memperakukan sama ada Perbelanjaan yang ditunjukkan di dalamnya diluluskan oleh Dewan Negeri ini dengan ubahsuaian atau tanpa ubahsuaian.”*

Setelah disokong maka, usul ini adalah terbuka untuk dibahaskan dan pindaan-pindaan bolehlah disyorkan.

Setelah perbahasan itu selesai, Yang di-Pertua akan mengemukakan soalan ini kepada Dewan Negeri. Jika Dewan Negeri bersetuju kepada usul tersendiri itu,



Yang di-Pertua akan mengatakan “*Dewan Negeri bersidang dalam Jawatankuasa.*”

### **Dalam Jawatankuasa**

Setiausaha Dewan akan menyebut semua kepala dalam Anggaran-anggaran Pembangunan itu, dan kemudian Menteri Besar atau mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan akan mengesyorkan bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan di bawah kepala Bil ... kepada Bil ... berjumlah RM... diluluskan.

Pindaan-pindaan bolehlah disyorkan oleh mana-mana ahli, tetapi mestilah menepati peruntukan-peruntukan Perintah-perintah Tetap.

(Kaedah-kaedah biasa mengenai prosedur dalam Jawatankuasa akan dipakai, iaitu —

- (i) seorang ahli boleh bercakap lebih dari sekali atas soalan yang sama;
- (ii) suatu usul tidak dikehendaki disokong.)

Setelah selesai perbahasan maka, Menteri Besar atau mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan akan mengesyorkan: Bahawa ketetapan-ketetapan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa ini hendaklah dimaklumkan kepada Dewan Negeri dengan serta-merta.

Yang di-Pertua akan mengemukakan soalan itu, dan jika telah dipersetujui, Yang di-Pertua akan mengatakan “*Dewan Negeri bersidang semula.*”

### **Dalam Sidang Dewan Negeri**

Menteri Besar atau mana-mana ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan akan mengatakan: “*Yang di-Pertua, saya minta izin memaklumkan kepada Dewan Negeri bahawa*

*Jawatankuasa yang dilantik untuk menimbangkan cadangan-cadangan yang tersebut dalam Kertas Bil... bagi 20... telah mengambil beberapa ketetapan yakni, cadangan-cadangan yang tersebut dalam Kertas Bil ... bagi 20... hendaklah diluluskan (dan jika ada pindaan-pindaan – ‘tertakluk kepada ubahsuaian-ubahsuaian yang berikut ...’).*”

Beliau akan mengesyorkan usul seperti berikut:

*“Yang di-Pertua, saya minta izin mengesyorkan bahawa Dewan Negeri ini adalah bersetuju dengan Jawatankuasa mengenai ketetapan-ketetapannya yakni bahawa perbelanjaan sebanyak RM... yang dicadangkan dalam penyata yang dibentangkan di Meja Dewan Negeri sebagai Kertas Bil ... bagi 20... hendaklah diluluskan oleh Dewan Negeri ini dan dengan itu mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang tidak melebihi RM... dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 20... dan bahawa untuk menepati “kepala-kepala dan kepala-kepala kecil perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruangan... penyata tersebut hendaklah diuntukkan jumlah-jumlah wang yang ditetapkan berkenaan dengannya dalam ruangan-ruangan ... dan ... dan ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Negeri ini pada ... berkenaan dengan perbelanjaan yang akan diperolehi daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 20... hendaklah dimansuhkan.”*

Seorang ahli akan menyokong usul itu. Usul itu pun terbuka untuk dibahaskan. Setelah selesai perbahasan, Yang di-Pertua akan mengemukakan masalah itu.

## **PINDAAN-PINDAAN**

---

- |    |                 |     |     |     |                   |
|----|-----------------|-----|-----|-----|-------------------|
| 1. | Pindaan Pertama | ... | ... | ... | 1 Mei 1988        |
| 2. | Pindaan Kedua   | ... | ... | ... | 11 September 2015 |
| 3. | Pindaan Ketiga  | ... | ... | ... | 20 Julai 2022     |

